

Jilid III
Bil. 18

Hari Isnin
20hb Disember 1993



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH:

Tuan Isli bin Haji Siput
Tuan Itam Wali bin Nawan

[Ruangan 2625]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat

[Ruangan 2625]

URUSAN MESYUARAT

[Ruangan 2626]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 2627]

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Perbekalan 1994

[Ruangan 2672]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN [POH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

MALAYSIA

DEWAN NEGARA YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA, S.I.M.P., (Dilantik).
- " Timbalan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR., D.I.M.P. (Dilantik).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM., D.S.N.S., D.P.M.I., S.M.J. (Dilantik).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DR. SAK CHENG LUM, (Dilantik).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN MOHAMED (Dilantik).
- " TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF, P.I.S., B.S.I., P.P.N. (Dilantik).
- " TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M., (Pulau Pinang).
- " TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).
- " DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K., J.C. (Dilantik).
- " DATUK HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M. (Dilantik).
- " TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH CHE POR A BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- " DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- " TUAN CHONG CHI SIONG @ CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- " TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).
- " TUAN FU AH KIOW, (Dilantik).
- " TUAN DING SELING (Dilantik).
- " TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- " TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- ” WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
- ” TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).
- ” TUAN HO CHENG WANG (Perak).
- ” TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor).
- ” TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- ” TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- ” TUAN JANGGU ANAK BANYANG (Sarawak).
- ” TUAN JOHAN B.O.T. GHANI @ CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).
- ” PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- ” PUAN KELSOM BINTI YAACUB (Pahang).
- ” PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- ” TUAN LIMUN LAIKIM (Sabah).
- ” DATO' DR. MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Dilantik).
- ” TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- ” TUAN K. MUNISAMY, A.M.N., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- ” TUAN NEO TUAN CHENG, P.P.N. (Johor).
- ” DATO' (IR.) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” DR. NG YEN YEN (Pahang).
- ” PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- ” PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH (Terengganu).
- ” PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- ” TUAN SAAD BIN HAJI MAN, (Dilantik).
- ” TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- ” TUAN HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- ” PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN HAJAH SELEMIAH BINTI HASHIM (Dilantik).

- " TUAN V.K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- " TUAN SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN, P.K.T. (Dilantik).
- " TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- " TUAN HAJI SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- " DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
- " DATO' TAN TIEW BOCK, D.P.M.P., A.M.P. (Dilantik).
- " TUAN TIONG THAI KING. (Dilantik).
- " DR. TOH KIN WOON (Pulau Pinang).
- " DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- " DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- " DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
- " TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- " DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.M., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha : Haji Tajjadin bin Saberan.
Penolong Setiausaha Kanan : Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan : Ramaswamy.
Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.
Pelapor Perbahasan Kanan : Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 20hb Disember 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyunrai)

MENGGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang
tersebut di bawah ini telah mengangkat
sumpah seperti yang disebutkan dalam
Perlembagaan:

1. Tuan Isli bin Haji Siput
2. Tuan Itam Wali bin Nawan

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli
Yang Berhormat, saya ingin mengambil
kesempatan ini untuk mengucapkan
selamat datang dan tahniah kepada
Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru
mengangkat sumpah sebentar tadi.
Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang
Berhormat yang baru dilantik semula
itu dapat memberikan sumbangan
mereka yang berguna dan berfaedah
kepada Dewan ini serta negara.
Seterusnya semoga mereka dapat
berkhidmat dengan cemerlang.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli
Yang Berhormat, saya telah penerima
satu perutusan daripada Yang di-Pertua

Dewan Rakyat yang meminta Dewan
negara mempersetujui RANG
Undang-undang yang telah diluluskan
oleh Dewan tersebut.

Saya menjemput Setiausaha
membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

*Pemutusan Daripada Dewan Rakyat
kepada Dewan Negara*

"15hb Disember, 1993.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,
Dewan Rakyat telah meluluskan
RANG Undang-undang yang berikut dan
meminta Dewan Negara memper-
setujukannya:

1. RANG Undang-undang Perbekalan
1994.

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN
RAKYAT."**

URUSAN MESYUARAT

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Kewangan (Tuan Mustapa bin
Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya
akan mencadangkan supaya RANG
Undang-undang yang tersebut dalam
perutusan itu iaitu RANG Undang-
undang Perbekalan 1994 dibacakan kali
kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**TAHUN MELAWAT MALAYSIA
1994-PROMOSI**

1. Datuk David Yeoh Eng Hock minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada usaha-usaha promosi melawat Malaysia dilakukan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk menarik jumlah ramai pelancong daripada negara-negara yang dibuat promosi itu melawat Malaysia khasnya tahun 1994.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Choy); Tuan Yang di-Pertua, semua usaha yang dijalankan oleh Kementerian dalam promosi Tahun Melawat Malaysia adalah untuk menarik pelancong-pelancong melawat Malaysia dalam tahun 1994. Kempen promosi Tahun Melawat Malaysia 1994 bermula pada 1hb Ogos, 1992 dan sejak tarikh tersebut semua promosi luar negeri memberi penekanan kepada kempen berkenaan di samping menggalakkan kedatangan pelancong-pelancong pada tahun semasa. Usaha ini adalah bertujuan supaya pengusaha-pengusaha yang telah memasarkan pakej pelancongan ke Malaysia menambah jumlah pakej mereka serta membuat promosi yang lebih agresif sempena Tahun Melawat Malaysia 1994 dan kepada yang belum pernah memasarkan Malaysia supaya memulakan pakej khas supaya pelancong-pelancong asing dapat menyaksikan atau turut serta dalam acara-acara Tahun Melawat Malaysia.

**SAINTIS-SAINTE MALAYSIA
DI LUAR NEGERI—
PENARIKAN BALIK**

2. Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah justifikasi Kerajaan memanggil balik saintis-saintis rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri. Sila nyatakan jumlah pecahan mengikut kaum.

Timbalah Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi melaksanakan program penarikan balik saintis dan jurutera Malaysia di luar negeri, adalah antarabehberapalangkah yang sedang dipertimbangkan.

Untuk mencapai matlamat perindustrian negara menjelang tahun 2020, sains dan teknologi memainkan perananyang pentingterutamanya dari segi penyediaan masyarakat saintifik yang mencapai kepakaran tinggi dan kemudahan-kemudahan R&D bagi meneroka dan mengembang teknologi-teknologi asli.

Pengambilan saintis dan jurutera rakyat Malaysia dari luar negeri merupakan satu langkah jangka pendek bagi memenuhi dengan segera keperluan-keperluan industri serta institusi-institusi penyelidikan awam. Adalah dijangka program ini akan disertai oleh pihak swasta yang akan mengendalikan sebahagian besar usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan di masa akan datang.

Pada masa ini, jumlah saintis dan jurutera yang akan diambil belum ditentukan. Cadangan program ini masih dalam pertimbangan.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah insentif-insentif yang ditawarkan di bawah rancangan ini untuk menarik balik para saintis dari luar negeri balik ke Malaysia.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang menggubal satu skim insentif di bawah program penarikan balik saintis dan jurutera Malaysia di luar negeri. Skim insentif yang akan adalah dibentuk berdasarkan kepada model yang telah dijayakan di negara-negara seperti Korea. Oleh kerana skim ini dalam pertimbangan Kerajaan, saya tidak dapatlah memberi butir-butir lanjut pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Munisamy.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Soalan No. 3.

SISTEM SARAAAN BARU (SSB)— ADUAN MENGENAI KELEMAHAN

3. Tuan Y.K. Sellappan (di bawah S.O.23 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan apakah kemajuan yang dicapai dengan mengamalkan Sistem Saraan Baru (SSB) dalam Perkhidmatan Awam dan apakah jenis-jenis aduan yang diterima mengenai kelemahan dalam sistem ini serta tindakan yang telah/sedang diambil untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, produktiviti dan prestasi di dalam perkhidmatan awam telah dipertingkatkan dengan pelaksanaan SSB. Beberapa perubahan yang diperkenalkan dalam SSB juga adalah bertujuan menggalakkan pegawai meningkatkan produktiviti dan prestasi mereka seperti pemberian mata gaji yang lebih tinggi bagi pegawai yang mempunyai prestasi baik atau cemerlang dengan diberi pergerakan gaji secara menegak dan melintang.

Pengenalan Sistem Penilaian Prestasi yang lebih objektif turut bermaksud untuk mencapai tujuan ini.

Di samping itu, melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam, banyak perubahan dan kemajuan telah diperkenalkan. Pegawai yang mempunyai prestasi baik dan cemerlang yang telah mendapat pergerakan gaji menegak dan melintang akan diberi bonus.

Sebagai penghargaan kepada Kerajaan dan berasaskan prestasi negara, Kerajaan juga telah memberi imbuhan tahunan setengah bulan gaji atau tidak kurang daripada RM400.00 pada tahun 1993. Secara keseluruhannya, tidak ada kelemahan ketara di dalam sistem saraan ini. Aduan yang diterima, kebanyakan berkaitan dengan penilaian Laporan Prestasi Tahunan. Tindakan telah dan sedang diambil untuk memberi keterangan yang sejelas-jelasnya kepada semua penilai terhadap cara membuat penilaian prestasi itu.

Namun begitu, bagi anggota-anggota Perkhidmatan Awam yang masih lagi tidak berpuas hati dengan SSB, mereka boleh menyampaikan perkara-perkara

yang menyentuh ketidakpuasan itu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kajian serta tindakan lanjut. Bagi anggota yang merasai adanya anomali di dalam pelaksanaan SSB, mereka dibenarkan merujuk perkara tersebut kepada Tribunal Perkhidmatan Awam.

Tuan Saad bin Haji Man: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sehubungan dengan perkara ini mungkin Yang Berhormat dapat memberitahu kita, apakah masih terdapat sehingga sekarang tuntutan-tuntutan dan anomali iaitu sejak Laporan Suffian dan Kabinet, yang masih belum diselesaikan. Dan apakah tuntutan-tuntutan tersebut akan luput dengan adanya SSB yang diperkenalkan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, tuntutan-tuntutan dan aduan-aduan yang diterima oleh Tribunal Perkhidmatan Awam akan dinilai dan dikaji dari masa ke semasa. Saya rasa mana-mana tuntutan-tuntutan yang tidak diselesaikan pada masa itu ianya akan dikaji semula pada masa yang sesuai nanti.

UNIVERSITI/INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI— MENAMBAH BILANGAN

4. Tuan Ghazali bin Haji Embong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan banyak lagi universiti dan institusi pengajian tinggi di negara ini pada jangkamasa panjang atas nisbah sebuah universiti bagi sebuah negeri seperti yang pernah berlaku di United Kingdom dan Amerika Syarikat dalam konsep

mewujudkan pekan universiti (university town), memandangkan Kerajaan berhasrat mewujudkan negara ini sebagai sebuah pusat ilmu dan juga permintaan untuk memasuki universiti bertambah; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang mengiktiraf kolej KUSZA di Kuala Terengganu sebagai sebuah universiti memandangkan ianya telah mencapai prestasi akademik yang memuaskan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan memang mempunyai rancangan jangka panjang untuk menambah bilangan Institut Pengajian Tinggi dan universiti-universiti di Malaysia dengan berdasarkan permintaan dan keperluan negara serta kemampuan kewangan dan tenaga manusia. Perancangan yang dibuat mengambilkira kesesuaian lokasi dan perancangan pembangunan yang bersepadu.

- (b) Cadangan untuk menaikkan taraf KUSZA sebagai sebuah universiti sedang dalam kajian Kementerian Pendidikan.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang menubuhkan universiti terbuka atau, dengan izin, "open university"

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, adalah dalam perancangan Kementerian Pendidikan bahawa kita memang menggalakkan program-program universiti melalui Program Jarak Jauh (Distance

Learning Programme). Kementerian Pendidikan juga sedang mengkaji kemungkinannya universiti-universiti tempatan digalakkan untuk mengadakan banyak lagi program-program tersebut termasuklah mengkaji kemungkinan mengadakan sistem "open university".

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya konsep universiti terbuka ini telah pun dikemukakan sejak lama dahulu. Saya ingin tahu apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam melancarkan universiti terbuka ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi, Kementerian Pendidikan sekarang memang sedang mengkaji kemungkinan mengadakan sistem tersebut dan kita sekarang mengambil langkah-langkah untuk memperluaskan sistem yang kita ada iaitu Sistem Pendidikan Jarak Jauh (Distance Learning Programme) melalui program Universiti Sains Malaysia dan program yang mungkin diadakan oleh universiti-universiti tempatan yang lain.

Dan kita harap dengan pengalaman yang kita dapati dalam proses itu, kita akan dapat memperluaskan lagi program itu termasuklah mengadakan satu sistem formal seperti open university. Memang tidak ada masalah, hanya kita haruslah mempunyai pengalaman dan juga menentukan bahawa kita boleh mengadakan sistem tersebut untuk menjamin bahawa ilmu yang kita edarkan adalah mempunyai kualiti yang tinggi.

AHLI LEMBAGA PENGARAH KESEDAR—PERLANTIKAN WAKIL KERAJAAN TEMPATAN

5. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Pembangunan Luar menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk mengambil wakil Kerajaan Negeri Kelantan sebagai anggota Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).
- (b) apakah Kerajaan telah menerima cadangan nama-nama Wakil Kerajaan Negeri Kelantan yang akan menganggotai Ahli Lembaga Pengarah KESEDAR; dan
- (c) jika ya, apakah keputusan Kerajaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Perlantikan wakil Negeri sebagai ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) adalah dibuat mengikut peruntukan Akta Lembaga tersebut.

Kerajaan sememangnya ada melantik wakil Kerajaan Negeri Kelantan sebagai Ahli Lembaga Pengarah KESEDAR sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Lembaga tersebut dan sekarang dalam proses perlantikan ahli-ahli yang baru. Bagaimanapun, dalam perlantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah sesuatu badan itu Kerajaan hendak memastikan bahawa ahli-ahli yang dilantik itu dapat memberi sumbangan yang bererti kepada perjalanan badan itu.

- (b) Kerajaan pada penghujung November 1993 telah menerima cadangan supaya dilantik wakil Kerajaan Negeri Kelantan dalam Lembaga Pengarah KESEDAR.
- (c) Kerajaan telah menghubungi pihak Negeri mengemukakan butir-butir lanjut mengenai cadangan tersebut sebelum keputusan dibuat.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan Kelantan telah memberi kerjasama yang baik kepada KESEDAR, terutama dalam kelulusan tanah dan sebagainya?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan ini tak relevant. Walau bagaimanapun, saya ingin membuat response di sini bahawa setakat hari ini nampaknya Kerajaan Kelantan masih lagi kita harapkan dapat memberikan kerjasama yang positif dan menggalakkan dalam usaha bagi membahagikan ataupun menentukan hakmilik tanah dapat diberikan kepada peneroka-peneroka.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan berapa wakil telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, dan bolehkah sebutkan nama-nama mereka?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Kelantan telah pun mengemukakan 2 lagi wakil Kerajaan melalui surat bertarikh 27hb November 1993 kepada KESEDAR agar 2 nama baru yang dicadangkan ini dapat dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan kepada soalan yang satu lagi belum diberi mengenai nama mereka.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Setakat ini dua nama yang dicadangkan ini belum lagi dikemukakan kepada Kementerian.

TABIKA PERPADUAN— KESAN POSITIF

6, Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan kesan positif daripada kewujudan Tabika Perpaduan yang dikelolakan oleh Kementerian Perpaduan Negara sekarang, dan jika jawapan positif, apakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangannya supaya dapat membangunkan dengan pesat masyarakat luar bandar tahun 2002.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng): Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan Tabika Perpaduan yang dikelolakan oleh Kementerian Perpaduan negara dan Pembangunan Masyarakat memanglah mempunyai kesan positif. Ini berdasarkan kepada response yang diterima daripada ibu bapa melalui permintaan bagi mendaftarkan kanak-kanak di Tabika Perpaduan. Di antara kesan positif yang dapat dilihat ialah:

- (i) telah menyemai dan memupuk semangat muhibah, kejiranan dan perpaduan serta semangat kewarganegaraan di kalangan kanak-kanak dari semua kaum;
- (ii) telah menerapkan nilai-nilai kerohanian dan moral yang positif dalam kehidupan seharian kanak-kanak bagi mewujudkan peribadi dan perwatakan yang sempurna untuk menjadi ahli keluarga yang baik dan berguna;

- (iii) telah memupukkan semangat bergaul, sifat hormat-menghormati dan berdisiplin, daya kreatif dan lain-lain;
- (iv) menghormati dan menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa Kebangsaan;
- (v) telah mengeratkan lagi perhubungan serta memupuk perpaduan di kalangan ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya.

Kementerian saya akan menimbang untuk menambahkan bilangan Tabika dari masa ke semasa di seluruh negara berdasar asas pertimbangan yang telah ditetapkan iaitu:-

- (i) dalam kawalan Rukun Tetangga;
- (ii) kanak-kanak terdiri daripada berbilang keturunan;
- (iii) tiada Tabika KEMAS atau Tabika Swasta berhampiran; dan
- (iv) dalam kawasan golongan yang berpendapatan rendah.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Apakah kelulusan yang perlu bagi seseorang itu menjadi guru Tabika Perpaduan, dan di manakah mereka ini dilatih, kerana memandangkan kepada Pendidikan pra-sekolah ini memerlukan beberapa kemahiran termasuk pendidikan psikologi?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, perlantikan kepada guru-guru atau pembantu guru-guru dibuat tiap-tiap tahun dan kita memberikan mereka latihan sebelum mereka menjalankan tugas, dan mereka sekurang-kurangnya memerlukan lulus SRP untuk pembantu guru-guru.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini berapakah jumlah bilangan kelas Tabika anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini kita ada 883 buah Tabika di seluruh negara.

KERETAPI DUA LALUAN (DOUBLE TRACKING)— PERKHIDMATAN

7. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bila sebenarnya khidmat kereta api dua laluan (double tracking) akan bermula;
- (b) berapa buah stesen atau perhentian baru telah dirancang dan berapa buah telah atau sedang dibina;
- (c) perbezaan di antara stesen dengan perhentian sama ada kemudahan membeli tiket juga terdapat di perhentian; dan
- (d) sama ada tempat letak kereta akan disediakan secukupnya di stesen-stesen tersebut untuk pengguna-pengguna keretapi demi menolong membantu mengurangkan kesesakan lalulintas di ibu kota.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkhidmatan keretapi komuter berelektrik di bawah Projek Landasan Berkembar dijangka bermula pada akhir tahun 1994, iaitu bagi sektor Sentul—Kuala Lumpur—Shah Alam.

- (b) Jumlah stesen baru yang dirancang adalah sebanyak 16 buah, dan 10 buah daripadanya telah pun siap dibina, manakala 6 buah lagi sedang dibina. Di samping itu, perhentian baru yang dirancang adalah sebanyak 17 buah, dan 6 buah daripadanya telah pun siap dibina, dan 11 buah masih dalam pembinaan.
- (c) Bangunan stesen adalah lebih besar dan tertutup berbanding dengan bangunan perhentian yang lebih kecil dan terbuka. Kemudahan membeli tiket melalui mesin, iaitu vending machine, dengan izin, akan disediakan di perhentian.
- (d) Lima puluh tempat letak kereta akan disediakan untuk kemudahan pengguna-pengguna keretapi di setiap stesen.

**PERMIT PENGANGKUTAN
AWAM—BILANGAN
DIKELUARKAN**

8. Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapakah permit Pengangkutan Awam telah dikeluarkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 1990 hingga Jun 1993:

- (a) jumlah permit bas mini;
- (b) jumlah permit teksi; dan
- (c) nyatakan jumlah syarikat dan orang perseorangan yang memperolehi permit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian yang berkenaan Untuk bahagian,

- (a) jumlah permit bas mini yang dikeluarkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 1990 hingga Jun 1993 ialah 329.
- (b) jumlah permit leksi yang dikeluarkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 1990 hingga Jun 1993 ialah 664.
- (c) kesemua permit bas mini dan teksi yang dikeluarkan dari tahun 1990 hingga Jun 1993 adalah untuk syarikat sahaja.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mungkin Yang Berhormat sedar terdapat laporan-laporan yang mengatakan pemandu-pemandu kenderaan awam yang tidak sopan, mabuk, menghisap dadah, mempunyai rekod kemalangan yang tinggi dan sebagainya yang telah mencemarkan nama negara kita. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula syarat-syarat atau memperketatkan syarat-syarat mengeluarkan lesen kepada pemandu kenderaan awam ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesalahan-kesalahan ataupun tingkah-laku atau sikap pemandu bas atau syarikat yang berkenaan, terutamanya baru-baru dalam tahun ini telah banyak aduan dikemukakan, pihak Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan telah

pun mengambil tindakan untuk memberi amaran yang keras kepada semua pemegang permit. Untuk mereka yang telah melaku kesalahan, sebanyak 98 kesalahan dikesani telah pun diberi notis tunjuk sebab. Pada masa ini Kementerian sedang mengkaji dan menyiasat jawapannya. Untuk mengelakkan ataupun mengemas-kinikan perkhidmatan bas mini di Wilayah Persekutuan, baru-baru ini Kerajaan telah mengumumkan rancangan untuk mengadakan satu konsortium dengan menggabungkan semua syarikat bas mini supaya semua pengurusan dari segi kawalan akan dapat lebih berkesan dan lebih sistematik untuk mengelakkan daripada sebarang keja" dian yang tidak diingini.

**USAHAWAN BUMIPUTERA—
MEWUJUDKAN TABUNG
KEWANGAN**

9. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Kewangan menyatakan mengikut rancangan Kerajaan ada beberapa peruntukan tabung di bawah Kementerian bagi menolong usahawan-usahawan bumiputera seperti TPU, TUB, TPPT dan sebagainya:

- (a) sila senaraikan peruntukan-peruntukan yang telah dibekalkan dan selama manakah mereka yang tertentu disumbangkan; dan
- (b) adakah program ini akan diteruskan ataupun ada cadangan-cadangan lain untuk diubahsuaikan. Jika ada apa-apa perubahan, sila sebutkan program yang akan diteruskan itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Tabung Pemulihan Usahawan ditubuhkan pada bulan Julai 1988 untuk membantu usahawan bumiputera yang bermasalah akibat kemelesetan ekonomi dalam tahun 1985/86.

Tabung Usahawan Baru pula telah ditubuhkan pada bulan Disember 1989 bertujuan membantu dan menggalakkan penyertaan bumiputera dalam sektor perindustrian, sementara Tabung Projek Perumahan Terbengkalai pula ditubuhkan pada bulan Jun 1990 bertujuan membantu menyiapkan projek perumahan terbengkalai, membantu pembeli rumah mendapat hakmilik ke atas rumah mereka dan membantu institusi kewangan dalam menyelesaikan kesulitan akibat daripada projek-projek perumahan yang terbengkalai.

Peruntukan Bank Negara Malaysia bagi Tabung Pemulihan Usahawan ialah sebanyak RM500 juta, Tabung Usahawan baru ialah RM350 juta, dan Tabung Projek Perumahan Terbengkalai ialah RM600juta.

Setakat 30hb November 1993, Tabung pemulihan Usahawan telah meluluskan bantuan sebanyak RM719.5 juta kepada 408 pemohon. Tabung Usahawan baru pula meluluskan bantuan sebanyak RM328.4 juta kepada 1,096 pemohon. Tabung Projek Perumahan Terbengkalai telah meluluskan RM364.6 juta

untuk 101 projek perumahan dan 28 daripada projek-projek tersebut telah pun berjaya dipulihkan sepenuhnya.

- (b) Permohonan untuk mendapat bantuan di bawah Tabung Pemulihan Usahawan telah pun ditutup pada 30hb Disember 1990 dan Skim Bantuan Tabung Pemulihan Usahawan tidak akan diteruskan lagi. Permohonan bagi mendapatkan bantuan Tabung Projek Perumahan Terbengkalai telah ditutup pada 29hb Februari 1992.

Bagi Tabung Usahawan Baru pula, program ini masih diteruskan. Pada bulan Ogos lalu beberapa pengubahsuaian telah dibuat seperti menaikkan jumlah pinjaman daripada RM1.0 juta kepada RM2.0 juta bagi setiap pemohon dan memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman daripada 5 tahun kepada 8 tahun bagi menggalakkan lebih ramai lagi usahawan mendapat bantuan di bawah skim Tabung Usahawan Baru.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan menghadapi apa-apa masalah semasa pemberian tersebut dan jika ada, apakah cara yang telah digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang ada.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Saya kurang jelas. Masalah apa?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Masalah pemberian untuk pemohon yang berkenaan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Pemberian? Pembayaran atau pemberian?

Kerajaan tidak menghadapi masalah dalam mengeluarkan peruntukan yang disediakan oleh Bank Negara. Umpamanya bagi Tabung Pemulihan Usahawan (TPU), dikenakan syarat-syarat tertentu sebelum seseorang pemohon itu layak. Sepertimana yang saya katakan tadi bilangan bumiputera yang mendapat bantuan adalah begitu banyak sekali. Peruntukan hanya RM500 juta tetapi perbelanjaannya RM719 juta. Angka ini sahaja melambangkan bahawa tidak ada masalah dalam mengeluarkan peruntukan yang disediakan.

Begitu juga dengan Tabung Usahawan Baru (TUB), Kerajaan berbangga kerana dapat membantu 1,096 usahawan bumiputera—lebih separuh daripada mereka adalah di dalam sektor pembuatan untuk berkecimpung dalam bidang industri baru; kita tidak menghadapi masalah. Berkaitan dengan Tabung Projek Perumahan Terbengkalai pula, kita juga tidak menghadapi masalah dalam mengeluarkan peruntukan yang disediakan sebanyak RM600 juta.

Tuan Saidin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil kepada penerima-penerima Tabung Pemilihan Usahawan yang kali pertamanya telah gagal, kali yang keduanya juga nampak akan gagal. Senelum ia terus gagal, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Memang Kerajaan tidak mampu hendak melayan kesemua sekali permohonan kerana ada syarat-syarat tertentu yang ditetapkan, antaranya projek-projek tersebut hendaklah merupakan projek-projek yang viable

ataupun berdaya-maju. Dengan itu dalam kes-kes di mana projek berkenaan tidak menguntungkan ataupun tidak ada harapan untuk dipulihkan, maka Kerajaan tidak membantu usahawan tersebut. Dalam kes-kes yang ditolak dua, tiga kali telah dibuat rayuan, memang kes-kes tersebut merupakan kes-kes yang rumit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan TPU adalah 1,497 kesemuanya sekali. Daripada jumlah tersebut, 408 diluluskan. Sebagaimana yang saya katakan tadi, ia melibatkan kewangan sebanyak RM719 juta, manakala 339 permohonan lain diselesaikan oleh Institusi Kewangan tanpa bantuan TPU. Ini bermakna lebih separuh daripada jumlah permohonan sebanyak 1,497 itu, yang mendapat faedah daripada skim ini ialah sebanyak 747—kira-kira separuh daripada bilangan permohonan telah berjaya dipulihkan perniagaan mereka.

Ingin saya tekankan bahawa tanpa skim TPU, besar kemungkinan kebanyakan daripada peniaga-peniaga atau pengusaha bumiputera ini akan menghadapi masalah kewangan dan mungkin akan bankrap dan "gulung tikar". Tetapi dengan adanya skim TPU, 1,497 yang menghadapi masalah ini, Kerajaan berjaya memulihkan kira-kira separuh daripada perniagaan mereka itu RM745 juta. Ini adalah satu sumbangan besar Kerajaan terhadap membangunkan usahawan bumiputera untuk memastikan mereka terus bergiat dalam bidang industri dan perniagaan.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai bilangan pecahan permohonan yang dinyatakan tadi iaitu 1,096 yang memohon untuk mendapatkan TUB. Daripada angka itu, berapakah permohonan dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, malangnya saya tidak ada angka-angka di sini. Angkanya adalah kecil sahaja bagi TUB. Saya akan memberi maklumat secara bertulis kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, jika Yang Berhormat berminat, kebanyakkan daripada pinjaman yang diluluskan adalah di dalam sektor perusahaan dan perdagangan iaitu kira-kira lebih separuh daripada jumlah kelulusan yang dibuat. Saya akan bekalkan maklumat permohonan dari Sarawak kepada Yang Berhormat secara bertulis.

NILAI-NILAI MURNI SEMUA KAUM—PENERAPAN

10. Puan Rosalind Yau Shuk Meng minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah program dan kempen Kerajaan dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni kepada semua kaum di negara ini seperti yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni semua kaum di negara ini, seperti yang dihasratkan oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan telah melaksanakan program-program dan kempen-kempen berikut:—

- (i) Rukun Tetangga;
- (ii) Jiran Muda;
- (iii) Jiran Wanita;
- (iv) Tabika Perpaduan;
- (v) Program Pendidikan tidak Formal;
- (vi) Khemah Kerja Kejiranan;
- (vii) Lawatan Integrasi;
- (viii) Program Titian Emas;
- (ix) Program Sedarpadu;
- (x) Larian Perpaduan;
- (xi) Kempen Mengibarkan Bendera;
- (xii) Sambutan Hari Perpaduan;
- (xiii) Pesta Masakan Perpaduan; dan
- (xiv) Senamrobik Perpaduan.

BIRO ADUAN PENGGUNA— PENUBUHAN

11. Puan Hajah Rahaiah binti Baberan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan mengapa Kerajaan tidak memperluaskan lagi fungsi pengguna dengan meletakkan Biro Aduan Pengguna di tiap-tiap negeri dan daerah bagi memudahkan pengguna membuat aduan dan mendapatkan nasihat. Persatuan Pengguna mengikut Zon seperti yang ada sekarang menyulitkan keadaan kerana jaraknya terlalu jauh, terutamanya bagi kawasan-kawasan terpencil luar bandar.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir); Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak bercadang menubuhkan Biro Aduan Pengguna di setiap negeri kerana telah pun wujud mekanisma untuk melayan aduan pengguna. Kementerian ini telah pun menubuhkan Majlis Hal Ehwal Pengguna di peringkat Negeri di seluruh Malaysia. Mekanisma yang sama juga sedang diwujudkan di peringkat daerah dengan penubuhan Majlis Hal Ehwal Pengguna di peringkat Daerah. Setakat ini sebanyak 56 daerah di seluruh negara telah pun mewujudkan Majlis Hal Ehwal Pengguna di peringkat daerah.

MHEPN ataupun MHEPD masing-masing berperanan mengenalpasti dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para pengguna di peringkat tempatan. Para pengguna boleh menyalurkan aduan-aduan raereka kepada badan-badan tertentu di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah. Di samping itu, Kementerian juga telah menyediakan kemudahan-kemudahan bagi membolehkan para pengguna membuat aduan di seluruh negara. Para pengguna boleh membuat aduan melalui salah satu cara seperti berikut:

- (i) Melalui pejabat-pejabat cawangan dan ibu pejabat Bahagian Penguatkuasa Kementerian yang mana lama kelamaan akan ditubuhkan di tiap-tiap daerah;

- (ii) melalui peti aduan pengguna;
- (iii) melalui kaunter aduan pengguna; dan
- (iv) melalui Peti Surat 8000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persatuan-persatuan pengguna juga telah pun diwujudkan di tiap-tiap negeri di seluruh negara dan ada juga yang telah ditubuhkan cawangan masing-masing di peringkat daerah. Persatuan-persatuan pengguna ini juga boleh digunakan untuk maksud yang sama.

**TUKANG SIHIR/BOMO—
TINDAKAN/HUKUMAN
KERANA MENIPU**

12. Tuan Tiong Thai King minta Menteri Dalam Negeri, menyatakan:

- (a) apakah Kementerian membiarkan tukang sihir atau bomoh yang bertujuan untuk menipu;
- (b) apakah tindakan akan diambil atau hukuman boleh dikenakan pada sesetengah tukang sihir atau bomoh yang bertujuan jahat jika tersabit kesalahan; dan
- (c) adakah Kerajaan akan mengambil tindakan dari segi undang-undang untuk menyelia perbuatan tukang sihir atau bomoh itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap orang-orang yang melanggar undang-undang negara ini termasuklah tukang sihir, atau bomoh yang menjalankan kegiatan menipu.

(b) Jika disabitkan kesalahan, hukuman yang setimpal dengan kesalahannya akan dikenakan kepada tukang sihir atau bomoh berkenaan.

(c) Apabila mendapat aduan atau laporan daripada mangsa atau orang ramai mengenai kegiatan jahat tukang sihir atau bomoh, pihak Polis akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Tuan Ghazali bin Haji Embong:
Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, No. 13.

**BPR—KES YANG MELIBATKAN
KAKITANGAN KERAJAAN**

13. Tuan Ghazali bin Haji Embong (di bawah S.O. 23(2)) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Berapakah kes tatatertib yang dirujuk kepada Badan Pencegah Rasuah (PBR) yang melibatkan kakitangan Kerajaan yang belum diselesaikan;
- (b) berapa ramaikah kakitangan Kerajaan yang terlibat dengan kes BPR yang masih belum diselesaikan; dan
- (c) apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kes tertangguh ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Ueggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:

- (a) Tidak ada kes tatatertib yang dirujuk kepada Badan Pencegah Rasuah yang melibatkan kakitangan Kerajaan kerana Badan ini bukan merupakan pihak berkuasa tatatertib.
- (b) Setakat ini seramai 369 orang kakitangan Kerajaan yang terlibat dalam BPR masih belum selesai perbicaraan di mahkamah.
- (c) Di antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kes tertangguh ialah dengan menambahkan bilangan hakim-hakim.

CHOGM DI CYPRUS— PRINSIP TERCAPAI

14. Tuan Hanipah bin Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) pada pengamatan Malaysia bagi keseluruhannya adakah Persidangan Negara-negara Komanwel (CHOGM) kali ke-15 di Limassol, Cyprus sudah tercapai prinsip 'in accordance with the principles of peaceful co-existence, mutual respect for sovereignty and territorial integrity'; dan
- (b) adakah isu Bosnia akan terus disuarakan oleh Malaysia dalam lain-lain Persidangan Antarabangsa selain dari CHOGM.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Cyprus baru-baru ini telah dijalankan seperti mesyuarat-mesyuarat yang lalu dalam semangat dan tradisi Komanwel dengan negara-negara anggota berusaha mendapatkan consensus mengenai sesuatu isu di samping meningkatkan kerjasama demi untuk kepentingan bersama dalam mewujudkan persefahaman antarabangsa dan keamanan dunia. Mesyuarat tersebut juga telah menegaskan semula komitmen negara-negara Komanwel terhadap demokrasi hak asasi manusia, keutuhan undang-undang, kebebasan sistem kehakiman dan Kerajaan yang adil dan jujur sebagai nilai-nilai asas politik Komanwel.

Pengalaman nilai-nilai ini adalah sejajar dengan prinsip-prinsip perhubungan antarabangsa seperti kewujudan bersama secara aman (peaceful co-existence) dan saling menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah (mutual respect for sovereignty and territorial integrity).

- (b) Malaysia akan terus menyuarakan dan membangkitkan isu mengenai Bosnia-Herzegovina di mana-mana persidangan antarabangsa yang bersesuaian selagi rundingan damai yang dikelolakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu gagal menghasilkan satu pakej

penyelesaian damai yang adil dan saksama kepada pihak Bosnia-Herzegovina dan diterima oleh semua pihak yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia akan terus memberi penekanan tentang betapa pentingnya dicapai perjanjian damai yang adil dan saksama berdasarkan prinsip-prinsip asas mengenai kedaulatan keutuhan wilayah, tidak mencampur-tangan dalam hal ehwal negara-negara yang bebas dan merdeka di mana hak asasi manusia sejagat dihormati sepenuhnya.

KOSMETIK BERDAFTAR— BILANGAN

15. Puan Hajah Rahmah binti Salleh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kosmetik yang berdaftar dengan Kementerian ini;
- (b) berapa banyakkah kosmetik yang diimport, juga berapa banyak yang diusahakan di negara ini;
- (c) apakah kesan yang akan dirasai oleh pengguna di peringkat awalnya;
- (d) dapatkah Kementerian ini senaraikan nama (jenama-jenama) yang sedang dipasarkan di negara ini;
- (e) tindakan tegas bagaimanakah yang akan dikenakan kepada kes-kes yang berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pendaftaran keluaran kosmetik akan dijalankan dalam fasa 4 Pendaftaran Produk-produk Pharmaceutical dan Kosmetik di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Fasa 4 dijangka bermula dalam tahun 1995. Tarikh sebenar akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan kelak. Namun demikian, pendaftaran keluaran-keluaran hair-dyes yang mengandungi racun telah dijalankan mulai 1hb Ogos 1991 di mana daripada 231 permohonan pendaftaran, hanya 92 jumlah didaftarkan.

- (b) Bilangan keluaran kosmetik yang diimport dan dikilang di negara ini tidak dapat dikemukakan buat masa ini memandangkan Fasa 4 belum mula lagi. Bagi hair-dyes yang mengandungi racun pula, bilangan keluaran berdaftar yang diimport adalah 70.
- (c) Dengan pendaftaran keluaran-keluaran kosmetik kelak, hanya produk-produk yang mematuhi standard kualiti dan keselamatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kawalan dadah akan didaftarkan. Dengan itu, produk-produk yang tidak berkualiti dan tidak selamat digunakan tidak akan dipasarkan lagi.

- (d) Senarai jenama keluaran-keluaran kosmetik yang dipasarkan di negara pada masa ini tidak dapat dikemukakan memandangkan Fasa 4 belum bermula. Namun demikian, jenama keluaran-keluaran hair-dyes yang mengandungi racun yang telah didaftarkan adalah seperti berikut: Just Modern-Just Tone Oil Shampoo; Caring Beauty Hair Color; Nice 'N Easy; Ultress, Majirel; Color Touch; Option; dan Polycolor.

Sila maklum bahawa hanya produk-produk tertentu di bawah jenama di atas yang telah didaftarkan. Ini bermakna bahawa bukan semua produk-produk yang menggunakan jenama di atas telah didaftarkan.

- (e) Dalam setiap Fasa pendaftaran, satu jangkamasa akan diberi untuk permohonan pendaftaran keluaran-keluaran berkaitan dikemukakan kepada pihak berkuasa kawalan dadah. Tarikh penguatkuasaan pendaftaran dan pelesenan akan ditetapkan bagi keluaran-keluaran di bawah Fasa tersebut. Selepas tarikh itu, keluaran-keluaran yang tidak berdaftar yang terdapat di pasaran akan dirampas dan dikenakan tindakan perundangan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, manakala keluaran yang tidak berdaftar dari negara luar tidak akan diberikan pengimportannya.

**AKTA LEMBAGA BEKAS
PERAJURIT MALAYSIA—
KAJIAN DRAF**

16. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah dan tindakan yang diambil terhadap draf Akta Lembaga Bekas Perajurit Malaysia yang diserahkan sendiri kepada Perdana Menteri di Stadium Negara dalam Himpunan Pahlawan pada 25hb Julai 1993.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan telah mengkaji dengan teliti draf Akta Lembaga Bekas Perajurit Malaysia yang dikemukakan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Kementerian berpendapat bahawa tujuan asas Akta ini iaitu Program Pembangunan Bekas Perajurit, yang lebih berkesan dan berwibawa dapat dilaksanakan dengan organisasi yang sedia ada.

Oleh yang demikian, Kementerian mencadangkan "supaya sebuah Terbadanan (Pembangunan) Hal Ehwal Bekas Perajurit' diwujudkan melalui perluasan Akta 101 iaitu Akta Tabung Angkatan Tentera 1973. Ini tidak bermakna cadangan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah diketepikan. Cuma Kementerian berpendapat lebih teratur dan padat sekiranya undang-undang dan jentera yang sedia ada digunakan daripada mewujudkan undang-undang dan organisasi yang baru yang akan menambahkan kos pentadbiran sekiranya ia dapat mencapai objektif yang sama.

**SUKAN KOMANWEL 1998—
PERSIAPAN MAJLIS SUKAN
SEKOLAH-SEKOLAH**

17. **Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar bahawa peruntukan kewangan untuk Majlis Sukan Sekolah-sekolah peringkat negeri dan daerah amat jauh tidak mencukupi. Jika ya, adakah Kementerian akan menambahkan peruntukan ini menjelang Sukan Komanwel 1998 bagi mencungkil bakat-bakat olahragawan kita.

30.12.93

27. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa memandangkan negara kita akan menjadi tuan rumah untuk Sukan Komanwel atau "SUKOM" pada tahun 1998, iaitu lebih kurang lima tahun dari sekarang, dan sekolah-sekolah merupakan tapak semaian untuk bakal-bakal atlit kita:

- (a) apakah rancangan atau peranan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) ke arah persediaan bakal ahli sukan yang akan mewakili negara dalam "SUKOM" khasnya dan lain-lain sukan antarabangsa amnya; dan
- (b) sejauh manakah persediaan kita terhadap sukan yang unggul ini.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua soalan yang dikemukakan yang maksudnya berkaitan

dengan persiapan Kementerian Pendidikan, khususnya Majlis Sukan Sekolah-sekolah untuk menghadapi Sukan Komanwel atau SUKOM. Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan-soalan tersebut adalah:

- (i) Yang Berhormat Tuan Haji Dol bin Dolah pada hari ini;
- (ii) Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin pada 30hb Disember 1993.

Oleh hal yang demikian, saya mohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak memberi peruntukan khas kepada Majlis Sukan Sekolah-sekolah peringkat negeri dan daerah. Namun demikian, Kementerian ini telah diperakukan peruntukan RM40 juta untuk Program Pembangunan Sukan Sekolah di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Konsep pelaksanaan pembangunan sukan sekolah telah diatur agar menjadi lebih berkesan, mantap dan menyeluruh melalui strategi-strategi berikut:

- (a) mewujudkan Kompleks Sukan seberapa lengkap mungkin di tiap-tiap negeri;
- (b) memperluas dan meningkatkan kemudahan sukan di sekolah rendah dan menengah;
- (c) memberi peruntukan bagi pembelian alatan sukan bagi sekolah rendah dan menengah;

- (d) mengadakan Skim Insentif dan Kebajikan kepada pelajar-pelajar yang berbakat dan cemerlang dalam bidang sukan;
- (e) meningkatkan mutu profesionalisme guru dan pegawai dalam bidang sukan melalui kursus-kursus dan penempatan (attachment).

Di samping itu, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia telah mengadakan program bersama "Tunas Cemerlang" dengan Majlis Sukan Negara Malaysia bagi beberapa bidang sukan, di antaranya, olahraga, badminton, hoki, tenis, bola sepak dan sepak takraw. Untuk tujuan ini, sebanyak 130 buah Pusat Tunas Cemerlang telah diwujudkan di seluruh negara.

Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Majlis Sukan Negara kini sedang mengelolakan latihan untuk 25 orang atlit berbakat di bawah dua orang jurulatih dari Rusia di Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz, Kajang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail.

Tuan Shuib bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 18.

SETINGGAN-PENYELESAIAN MASALAH

18. Tuan Shuib bin Endut (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa masyarakat setinggan di negara ini terlalu banyak masalah; dan

- (b) apakah kaedah baru Kementerian bagi menyelesaikan masalah setinggan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, masalah utama yang dihadapi oleh setinggan adalah tidak memiliki tanah untuk membina rumah mereka.

Soal tanah bukanlah di bawah bidangkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, maka Kementerian ini tidak boleh berbuat apa-apa bagi menyelesaikan masalah ini.

Bagi setinggan di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, agensi yang berkenaan ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan di kawasan-kawasan lain, pihak yang berkuasa adalah Kerajaan-kerajaan Negeri.

HUKUM HUDUD—PENDIRIAN KERAJAAN PUSAT

19. Tuan Shuib bin Endut minta Perdana Menteri menyatakan tentang pendirian Kerajaan Pusat bersabit dengan Hukum Hudud yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan. Apakah hukum tersebut sah digunapakai di Malaysia.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, kajian terperinci berhubung dengan Hukum Hudud dalam undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan itu masih diteruskan. Perkara ini mempunyai beberapa implikasi yang boleh timbul, termasuk perkara-perkara yang melibatkan beberapa aspek dari segi Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah.

(Soalan No. 20—Y.B. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 21.

WARGA TUA—PENGHORMATAN DI SISI RAKYAT

21. Tuan Ding Seling (di bawah S.O. 23(2)) minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian ini mengenai wargatua yang semakin kurang mendapat penghormatan dari rakyat negara ini, dan jika ada usaha-usaha untuk menaikkan penghormatan mereka di sisi rakyat, sila nyatakan tindakan tersebut.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sentiasa berusaha dan mengadakan perkhidmatan bagi menjaga kepentingan dan kebajikan wargatua supaya nasib mereka lebih terjamin.

Tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk menaikkan penghormatan orang tua di sisi rakyat ialah dengan mengadakan hari wargatua tiap-tiap tahun yang

jatuh pada 1hb Oktober yang mana objektif Hari Wargatua ini adalah seperti berikut:

- (a) untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya ikatan kekeluargaan serta fungsi keluarga dari segi memberi penjagaan dan perlindungan yang sempurna kepada wargatua;
- (b) untuk menggerakkan komuniti supaya meningkatkan kemudahan-kemudahan untuk wargatua;
- (c) untuk mengiktiraf serta memberi sumbangan dan penghormatan kepada wargatua tentang sumbangan mereka kepada negara; dan
- (d) untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat serta mendidik mereka mengenai tanggungjawab mereka terhadap wargatua.

RTM—PENGAMBILAN JURUHEBAH

22. Tuan Neo Tuan Cheng minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bagaimanakah Kementerian memilih juruacara untuk penyiaran program Bahasa Tionghua melalui radio kita; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian menjalankan latihan untuk juru-juru acara Bahasa Tionghua ini supaya mutu penyiaran dapat dipertingkatkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semua anggota RTM yang menjalankan tugas sebagai penerbit rancangan atau kejuruhebahan dilantik ke jawatan masing-masing menerusi urusan pengambilan yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. (SPA).

RTM tidak mempunyai kuasa untuk memilih sendiri anggota atau kakitangan yang dikehendakinya. Walaupun wakil RTM duduk bersama dalam tiap-tiap urusan pengambilan, tetapi tidak semestinya pilihan atau perakuan dari Jabatan akan diterima oleh SPA kerana keputusan muktamad adalah tertakluk kepada SPA semata-mata.

Kedadaan ini menyebabkan sukar bagi RTM mendapatkan petugas yang betul-betul sesuai dengan kehendak RTM kerana tugas sebagai penyiar ataupun juruhebah, misalnya, menghendaki satu kualiti yang berlainan dari tugas lain. Bukan sahaja seseorang itu mesti berbakat dan mempunyai suara yang baik, tetapi mesti boleh menguasai bahasa siarannya dengan fasih.

Tuan Yang di-Pertua, boleh berbahasa Cina tidak mencukupi, tetapi yang

diperlukan ialah, dengan izin, good broadcast Chinese language, di samping boleh menyampaikan bahasa itu dengan lancar, dengan penuh keyakinan dan jelas.

- (b) Jabatan Penyiaran mempunyai Institut Latihannya sendiri yang dikenali dengan nama Inslitut Penyiaran Tun Abdul Razak.

Semua anggota RTM yang baru dilantik mestilah menjalani latihan asas di Institut ini dan kemudiannya latihan pengkhususan dari masa ke semasa.

Tidak semua anggota RTM yang diterima bekerja itu dapat digunakan sepenuhnya untuk tugas-tugas seperti menjadi juruhebah atau penerbit rancangan walaupun telah diberi latihan beberapa kali.

Faktor-faktor seperti tidak boleh menguasai bahasa dengan baik, misalnya dan tidak berbakat adalah antara yang terpenting. Segelintir yang ada, walaupun bukan yang terbaik, terpaksa juga digunakan untuk menjalankan tugas-tugas kejuruhebahan.

Mereka yang tidak boleh digunakan di udara, akan digunakan di bahagian sokongan di radio ataupun TV.

DADAH—PENGLIBATAN PELAJAR SEKOLAH

23. **Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah pelajar di sekolah bantuan penuh Kerajaan didapati menjual dadah semasa sekolah sehingga kini dan apakah tindakan yang diambil terhadap masalah ini.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada kes yang melibatkan pelajar di sekolah-sekolah bantuan penuh Kerajaan mengenai perkara ini.

TITI PAPAN—BILANGAN

24. **Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa titi papan di seluruh jalan raya dikuasai oleh pihak JKR belum digantikan dengan titi konkrit dalam setiap negeri. Adakah benar atau tidak "World Bank" telah memberi pinjaman wang beberapa tahun dahulu untuk tujuan meningkatkan taraf titi papan tersebut. Jikalau benar, sila nyatakan kedudukan projek ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Kementerian Kerja Raya, hanya 10 titi atau jambatan papan lagi di laluan Persekutuan yang perlu diganti dengan titi konkrit dalam negara ini, tetapi ianya masih belum dilaksanakan. Kesepuluh titi papan ini terletak di Negeri Pahang.

Kedudukan Kemajuan pelaksanaan bagi titi ini ialah 4 buah di laluan Persekutuan 9 sedang dalam peringkat tender, sebuah titi di laluan 10, dan 5 buah titi atau jambatan di laluan 64 dijangka akan ditender pada akhir tahun 1994.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, memang benar pembiayaan pembinaan titi ini di bawah pinjaman Bank Dunia, iaitu sebanyak RM50 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam. Juralah peruntukan RM50 juta ini adalah untuk menggantikan 20 buah jambatan kayu dan 43 buah jambatan 'sub-standard'. Sebanyak 10 jambatan kayu telah disiapkan dan digantikan iaitu semuanya di Negeri Perak. Bagi jambatan-jambatan 'sub-standard', 31 telah siap digantikan, 5 dalam peringkat pembinaan, 5 dalam peringkat penilaian tender dan 2 akan ditender.

JALAN RAYA—BUTIR-BUTIR KERUGIAN AKIBAT TERGELINCIR DAN HAKISAN

25. **Dato' K. Vijayanathan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bolehkah Menteri memberi butir-butir mengenai kerugian kepada jalan raya akibat daripada jalan raya tergelincir dan hakisan dan sama ada ini disebabkan oleh cacat cela reka bentuk atau pembinaan dan jika sedemikian apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mencegah kejadian seperti ini pada masa hadapan.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang memperuntukkan perbelanjaan besar

apabila membaiki jalan raya yang telah tergelincir atau runtuh. Antara kes-kes jalan raya yang tergelincir dan mengalami hakisan yang teruk setakat ini serta anggaran kos pembinaannya adalah seperti berikut:

- (i) 9 keruntuhan berlaku di Jalan Kuala Lipis—Gua Musang dan anggaran kos pembaikannya dianggarkan lebih kurang RM20 juta;
- (ii) 2 keruntuhan berlaku di Jalan Kuala Lumpur—Bentong dan anggaran kos pembaikannya ialah lebih kurang RM2 juta;
- (iii) Keruntuhan bahagian-bahagian Jalan Ranau—Tamparuli, Sabah yang berlaku 3 tahun dahulu dan anggaran kos pembaikannya ialah lebih kurang RM50 juta; dan
- (iv) Pembaikan keruntuhan Jalan Tapah—Cameron Highlands, Jalan Salak Tinggi, Bukit Canggang—Sepang; Jalan Maran—Kuantan dan Jalan Seremban—Kuala Pilah dengan anggaran kos pembaikan jalan-jalan ini sebanyak RM20 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegelinciran hakisan jalan seperti yang dibangkitkan itu bukanlah disebabkan kesilapan reka-bentuk dan pembinaan pada masa ianya dibina tetapi kerana sebab-sebab yang lain seperti kos projek yang terlalu tinggi

untuk ditanggung oleh Kerajaan pada masa itu. Walau bagaimanapun, jalan raya-jalan raya di kawasan lembah dan bukit dibina mengikut nisbah piawai keselamatan.

Kebanyakan cerun-cerun dan tebing-tebing jalan raya di negara ini telah direkabentuk berdasarkan nisbah keselamatan tersebut dan didapati teguh dan stabil. Hanya bilangan yang kecil sahaja yang gagal atau mengalami keruntuhan kerana musim tengkujuh yang berlarutan. Langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kejadian ini dari berlaku di masa hadapan meliputi langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Arahan telah dikeluarkan kepada semua JKR Negeri supaya membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa ke atas cerun-cerun dan tebing-tebing tinggi terutamanya yang dijangkakan akan runtuh. Sekiranya didapati kedudukan cerun atau tebing dan tebing tersebut merbahaya kepada lalu lintas, maka arahan penutupan jalan akan dibuat. Di samping itu sistem perparitan yang sedia ada dipastikan berkesan supaya tanah tidak menjadi waterlogged, dengan izin.
- (ii) Dalam pembinaan jalan raya-jalan raya baru, pembedungan dan tebing tinggi dielakkan supaya struktur jambatan digunakan untuk menyeberangi lembah-lembah. Tebing dilindungi daripada hakisan dan keruntuhan

dalam musim tengkujuh dengan menanam rumput atau dengan membina tembok penahan tanah dengan teknologi yang terbaru.

**PELANCONGAN—
PENGLIBATAN BUMIPUTERA**

26. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) sejauh manakah penglibatan pengusaha bumiputera dalam industri pelancongan negara;
- (b) berapakah jumlah pelawat yang mengunjungi Muzium Negara setiap tahun; dan
- (c) adakah Jabatan Muzium bercadang mengadakan pameran-pameran bertaraf antarabangsa sepanjang tahun 1994 sebagai satu program Tahun Melawat Malaysia 1994.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga bulan November 1993, penglibatan bumiputera dalam industri pelancongan khusus dalam bidang-bidang berikut, iaitu bagi agensi pelancongan dan pengembaraan yang dimiliki oleh bumiputera ialah 894 dibandingkan dengan yang

dimiliki oleh yang bukan bumiputera sebanyak 790. Bagi pemandu pelancong bumiputera adalah seramai 550 orang dan bagi bukan bumiputera seramai 2,324 orang; dan bagi pelaburan projek-projek pelancongan yang diusahakan oleh bumiputera perseorangan ataupun syarikat bumiputera adalah sebanyak RM1.5 bilion dan bagi bukan bumiputera adalah sebanyak RM1.4 bilion.

Sukacita juga saya maklumkan bahawa banyak lagi peluang-peluang perniagaan dan kegiatan dalam industri pelancongan yang boleh diceburi oleh bumiputera seperti perhotelan, restoran, kraftangan dan lain-lain. Dalam hal ini, Kementerian saya dari semasa ke semasa sentiasa memberi penerangan kepada orang ramai khususnya pengusaha bumiputera mengenai peluang-peluang yang mempunyai kaitan langsung dengan industri pelancongan, umpamanya perkhidmatan pengangkutan kepada pelancongan, restoran, kedai-kedai cenderamata dan penginapan kos rendah. Dengan bantuan secara bersepadu daripada berbagai agensi Kerajaan, penglibatan usahawan bumiputera dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi adalah amat menggalakkan.

- (b) Pihak Muzium Negara telah pun mencatatkan bilangan jumlah pelawat yang mengunjungi Muzium Negara sejak ianya dibuka pada tahun 1963. Walau bagaimanapun, untuk tujuan ini, berikut ialah jumlah pelawat sepanjang tiga tahun kebelakangan iaitu:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pelancong</i>
1990	2,552,781 orang
1991	2,987,698 orang
1993	1,040,232 orang

Keseluruhan jumlah pelawat yang datang mengunjungi Muzium Negara sangat memuaskan dan pihak Jabatan Muzium dan Antiquiti memang berusaha untuk menggalakkan lagi lebih ramai pelawat-pelawat mengunjungi muzium dengan mengadakan berbagai rancangan terutama pameran-pameran sementara yang diadakan pada tiap-tiap tahun.

- (c) Bersempena dengan program Tahun Melawat Malaysia yang diadakan pada tahun depan, Jabatan Muzium Negara telah merancang untuk mengadakan Hma pameran bertaraf antara-bangsa iaitu yang pertamanya, Malaysia Costumes Exhibition yang akan diadakan Mulai bulan Jun hingga bulan Mac tahun depan; yang keduanya, Exhibition of Malaysia's Architectural Heritage yang diadakan antara bulan April

sampai bulan Mei; yang ketiga, Exhibition on Nature's Beauty yang diadakan antara bulan Jun hingga Julai; yang keempatnya, Exhibition of Malaysia's Historical Monuments diadakan pada bulan September hingga November dan akhir sekali, Exhibition on International Craft World yang diadakan pada bulan Disember.

Persediaan-persediaan sedang dijalankan bagi memastikan pameran-pameran tersebut dijalankan mengikut tarikh-tarikh yang dijadualkan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 dan No. 27 hingga No. 43 adalah dijilid dalam buku berasingan).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1994

Bacaan Kali Yang Kedua

3.38 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): *Bismillahir-Rahmanir-Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1994 telah dirangka dengan menggunakan pendekatan pembangunan yang menyeluruh. Belanjawan pada dasarnya adalah dasar fiskal iaitu gabungan percukaian dan perbelanjaan untuk jangka masa satu tahun untuk menangani persoalan ekonomi.

Namun pada kita, Belanjawan adalah lebih dari itu. Di samping matlamat ekonomi yang jelas kita juga menggunakan Belanjawan untuk menjayakan agenda sosial dan insan/kemanusiaan. Kita berusaha menjayakan perimbangan antara wilayah, antara golongan dan antara kemakmuran ekonomi dengan kekayaan budaya. Justeru itu, manfaat percukaian dan juga peruntukan yang dikemukakan, diagih-agihkan kepada semua golongan termasuk golongan yang sebelum ini tidak diberikan perhatian yang sewajarnya.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Belanjawan 1994 mengemukakan 4 strategi: pertama, memastikan pertumbuhan ekonomi terus utuh, segar dan mampan; kedua, membanteras inflasi; ketiga, menggilap ketrampilan dan menguasai teknologi; dan keempat, membina masyarakat seimbang dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan strategi tersebut, peruntukan sebanyak RM47.135 bilion dicadangkan untuk tahun 1994 iaitu RM33.285 untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM13.85 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan. Sebahagian besar daripada perbelanjaan

ini akan dibiayai melalui hasil Kerajaan yang dijangka berjumlah RM44.73 bilion pada tahun 1994. Ini bermakna Kerajaan akan mengalami defisit yang amat kecil iaitu hanya 0.3% daripada KNK, Namun kita yakin dapat meneruskan perbelanjaan berimbang yang dicapai buat pertama kalinya tahun ini dan tahun hadapan. Keyakinan tersebut adalah berasaskan rekod prestasi hasil tahun-tahun lalu yang selalu melebihi unjuran.

Sejumlah RM10.885 bilion adalah bagi perbelanjaan emolumen Jabatan Kerajaan meliputi kenaikan gaji dan elaun serta pengambilan kakitangan baru, termasuk dalam pertukaran adalah program meningkatkan mutu perkhidmatan melalui penubuhan pusat bayaran setempat sistem berkomputeran dan automasi. Sebagai menghargai sumbangan pekerja sektor awam, Kerajaan bersetuju memberi imbuhan setengah bulan gaji tetapi tidak kurang daripada RM400. Imbuhan ini sudah pun dibayar pada bulan ini.

Peruntukan yang disediakan di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap berjumlah RM16.756 bilion. Perbelanjaan ini meliputi pemberian kepada Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun, bayaran khidmat hutang negara, bayaran pencen serta ganjaran dan sumbangan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Sejumlah RM4.384 bilion diperuntukkan bagi perkhidmatan dan bekalan untuk keperluan penyelenggaraan pembelian bahan, sewaan dan lain-lain perbelanjaan. Peruntukan sebanyak RM723 juta di bawah aset adalah untuk pembelian alat kelengkapan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1994 telah dirangka dengan menggunakan pendekatan pembangunan yang menyeluruh. Belanjawan pada dasarnya adalah dasar fiskal iaitu gabungan percukaian dan perbelanjaan untuk jangka masa satu tahun untuk menangani persoalan ekonomi.

Namun pada kita, Belanjawan adalah lebih dari itu. Di samping matlamat ekonomi yang jelas kita juga menggunakan Belanjawan untuk menjayakan agenda sosial dan insan/kemanusiaan. Kita berusaha menjayakan perimbangan antara wilayah, antara golongan dan antara kemakmuran ekonomi dengan kekayaan budaya. Justeru itu, manfaat percukaian dan juga peruntukan yang dikemukakan, diagih-agihkan kepada semua golongan termasuk golongan yang sebelum ini tidak diberikan perhatian yang sewajarnya.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Belanjawan 1994 mengemukakan 4 strategi: pertama, memastikan pertumbuhan ekonomi terus utuh, segar dan mampan; kedua, membanteras inflasi; ketiga, menggilap ketrampilan dan menguasai teknologi; dan keempat, membina masyarakat seimbang dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan strategi tersebut, peruntukan sebanyak RM47.135 bilion dicadangkan untuk tahun 1994 iaitu RM33.285 untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM13.85 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan. Sebahagian besar daripada perbelanjaan

ini akan dibiayai melalui hasil Kerajaan yang dijangka berjumlah RM44.73 bilion pada tahun 1994. Ini bermakna Kerajaan akan mengalami defisit yang amat kecil iaitu hanya 0.3% daripada KNK. Namun kita yakin dapat meneruskan perbelanjaan berimbang yang dicapai buat pertama kalinya tahun ini dan tahun hadapan. Keyakinan tersebut adalah berasaskan rekod prestasi hasil tahun-tahun lalu yang selalu melebihi unjuran.

Sejumlah RM10.885 bilion adalah bagi perbelanjaan emolumen Jabatan Kerajaan meliputi kenaikan gaji dan elaun serta pengambilan kakitangan baru, termasuk dalam pertukaran adalah program meningkatkan mutu perkhidmatan melalui penubuhan pusat bayaran seterapat sistem berkomputeran dan automasi. Sebagai menghargai sumbangan pekerja sektor awam, Kerajaan bersetuju memberi imbuhan setengah bulan gaji tetapi tidak kurang daripada RM400. Imbuhan ini sudah pun dibayar pada bulan ini.

Peruntukan yang disediakan di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap berjumlah RM16.756 bilion. Perbelanjaan ini meliputi pemberian kepada Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun, bayaran khidmat hutang negara, bayaran pencen serta ganjaran dan sumbangan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Sejumlah RM4.384 bilion diperuntukkan bagi perkhidmatan dan bekalan untuk keperluan penyelenggaraan pembelian bahan, sewaan dan lain-lain perbelanjaan. Peruntukan sebanyak RM723 juta di bawah aset adalah untuk pembelian alat kelengkapan.

kemudahan pejabat dan kerja pembaikan bangunan. Peruntukan selebihnya sebanyak RM536 juta adalah untuk bayaran balik cukai. Bagi perbelanjaan Pembangunan, RM13.85 bilion diperuntukkan untuk tahun 1994. Dari jumlah ini, RM7.049 bilion disediakan untuk sektor ekonomi, RM3.206 bilion untuk sektor sosial, RM2.567 bilion untuk sektor keselamatan dan RM528 juta untuk perkhidmatan am. Baki RM500 juta adalah untuk simpanan luar jangka.

Strategi pencukaian Belanjawan 1994 bertujuan untuk terus merangsang pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan pelaburan swasta. Justeru itu, kita mencadangkan pelbagai galakan percukaian untuk sektor korporat dan pelbagai industri. Untuk rakyat umumnya, perbelanjaan ini memberikan beberapa pelepasan cukai dan pengurangan duti untuk membolehkan mereka raenikmati harga yang lebih murah, yang pada ketika yang sama dapat membantu melegakan tekanan inflasi. Bagi merangsang pertumbuhan ekonomi, saya telah mencadangkan pengurangan cukai pendapatan syarikat iaitu daripada 34% kepada 32% mulai taksiran 1994 dan akan dikurangkan lagi kepada 30% mulai tahun taksiran 1995. Bagi syarikat petroleum, saya mencadangkan cukai pendapatannya dikurangkan daripada 45% kepada 40% mulai tahun taksiran 1994.

Saya juga mencadangkan galakan diberikan kepada kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan dan industri pelancongan. Galakan cukai yang dapat meningkatkan pelaburan dalam negara dengan meningkatkan kadar elaun pelaburan semula (re-investment allowance) dan insentif bagi pelaburan di luar negara turut dikemukakan.

Kita prihatin dengan perbezaan tahap pembangunan antara kawasan. Kita telah berusaha untuk merapatkan jurang tersebut dengan membentuk kawasan yang disebutkan sebagai koridor Pantai Timur di mana pelaburan dalam kawasan tersebut akan mendapat galakan pencukaian. Kawasan tersebut memerlukan pelaburan yang raembolehkannya mengejar kawasan lain dari segi pertumbuhan dan kemakmuran ekonomi. Ketika yang sama membawa pelaburan ke kawasan yang ketika ini masih kurang maju akan dapat mengurangkan tekanan permintaan prasarana di kawasan lebih maju. Kita juga sedang mengkaji beberapa bantuan lain yang boleh diberikan supaya lebih banyak syarikat tertarik untuk menjalankan kegiatan di koridor Pantai Timur, termasuk Sabah dan Sarawak.

Amat tidak benar sekali tuduhan yang mengatakan Belanjawan ini memberikan lebih keutamaan kepada sektor korporat sehingga mengabaikan rakyat biasa yang berpendapatan rendah dan sederhana. Untuk meringankan beban golongan yang berpendapatan rendah, kadar rebat membayar cukai telah ditingkatkan daripada RM60 kepada RM90 bagi pembayar cukai dan daripada RM30 kepada RM50 bagi isteri. Kalau lebih daripada satu, tidak dikaitkan. Langkah ini telah memungkinkan kira-kira 60,000 pembayar cukai kini terlepas daripada membayar cukai.

Duti import ke atas lebih 500 barangan turut dihapuskan. Ini akan membantu membendung inflasi dan membantu golongan berpendapatan

rendah dan sederhana mendapatkan keperluan hariannya. Langkah penguatkuasaan yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah memberi kesan yang baik di mana peniaga telah mengambil langkah menurunkan harga barangan yang telah dikurangkan cukainya.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan kita terhadap masalah perumahan golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang meruncing di kota-kota besar telah mendorong kita untuk melancarkan satu program perumahan raksasa untuk kumpulan tersebut. Perumahan raksasa ini tidak termasuk cadangan pembinaan kondominium di lereng bukit. (*Ketawa*) Program khas ini akan melibatkan pembiayaan sebanyak RM1.404 bilion dengan gabungan sektor awam dan swasta. Ini melibatkan peruntukan sebanyak RM504 juta di bawah Perbelanjaan Pembangunan dan pembentukan Tabung Perumahan Kos Rendah dengan dana sebanyak RM900 juta. Komponen pertama tabung ini melibatkan modal sebanyak RM300 juta digunakan untuk memberi pinjaman modal kepada pemaju bagi menyegerakan pembinaan rumah kos rendah dalam rancangan perumahan yang diluluskan.

Bank Negara Malaysia telah pun menyediakan kewangan bagi komponen pertama sebanyak RM300 juta untuk tempoh selama 2 tahun—1994 dan 1995—dan disalurkan kepada institusi kewangan bermula pada 1hb November, 1993. Di bawah kemudahan ini, pinjaman pada kadar faedah 2% setahun akan disediakan kepada

pemaju rumah yang layak bagi pembinaan rumah kos rendah untuk tempoh maksimum 2 tahun atau apabila projek perumahan siap. Pemaju yang memerlukan kemudahan kewangan di bawah tabung ini dikehendaki membuka satu akaun berasingan untuk projek perumahan kos rendah bagi menentukan supaya dana disalurkan bagi projek perumahan berkenaan.

Tabung ini juga akan menyediakan sejumlah RM600 juta bagi membiayai pembinaan rumah pangsa kos rendah dua bilik di bandar-bandar utama yang menghadapi masalah setinggan yang meruncing untuk disewakan kepada rakyat termiskin dengan kadar serendah mungkin. Kerajaan Persekutuan dan Bank Negara Malaysia masing-masing akan menyumbangkan sebanyak RM150 juta, sementara bakinya akan diperolehi dari sektor swasta. Setakat ini, 12 institusi kewangan telah menyatakan kesanggupan untuk menyumbang kepada Tabung ini yang berjumlah RM136 juta. Saya yakin badan-badan korporat lain akan tampil untuk memberikan sumbangan kepada dana tersebut.

Garis panduan pinjaman oleh Bank Negara Malaysia mengkehendaki institusi kewangan mengeluarkan pinjaman bagi pembelian rumah kos rendah dilaksanakan bermula pada 1hb April, 1994. Di bawah garis panduan ini, pembiayaan sehingga 95% daripada nilai harga rumah akan diberi dengan tempoh pembayaran balik selama 25 tahun dengan kadar faedah tidak melebihi 9% setahun. Garis panduan ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

Kita menyedari peranan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang semakin penting dalam menyediakan rantaian industri, dengan izin, 'industrial linkages'. Namun, sektor ini sentiasa menghadapi kesulitan mendapatkan kemudahan pinjaman dari institusi kewangan. Di sini, saya ingin mengumumkan bahawa untuk mengatasi masalah ini, Syarikat Jaminan Kredit (CGC) akan mengkaji semula peraturan yang ada dan mencadangkan satu pendekatan baru yang akan membolehkan pengusaha kecil supaya terus mendapatkan pinjaman dari bank pada kadar yang munasabah. CGC akan berusaha menyelesaikan masalah yang menjadi perhatian utama bank-bank berhubung daya maju perkongsian bagi mengurangkan risiko kerugian.

Skim Jaminan Utama CGC telah dikaji semula supaya ianya lebih responsif dengan keperluan peminjam dan bank sendiri. Jaminan di bawah skim ini telah dinaikkan daripada had yang ada sekarang, iaitu RM500,000 kepada maksimum RM1.5 juta, Liputan jaminan maksimum CGC juga dinaikkan daripada 70% kepada 80%. Bagi industri utama yang digalakkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, liputannya ditingkatkan kepada 90%. Perubahan ini bertujuan memastikan agar pinjaman kepada pengusaha kecil boleh dinilai berasaskan kepada merit cadangan masing-masing dan bukan semata-mata berasaskan kepada cagaran yang ditawarkan. Butir-butir terperinci perubahan ini akan diumumkan oleh Bank Negara Malaysia tidak lama lagi.

Belanjawan 1994 turut memberikan perhatian ke arah pembentukan masyarakat seimbang. Peruntukan dan juga galakan percukaian diberikan untuk memperkukuhkan kemampuan penyelidikan serta keterampilan teknologi. Kita telah juga mencadangkan galakan percukaian yang belum pernah diberikan kepada masyarakat kreatif Malaysia, iaitu golongan saintis, pelukis, pencipta lagu dan mereka yang terlibat dalam seni panggung—ini Kelantan tak boleh gunakanlah. Kita melakukan ini kerana kita yakin kemakmuran yang kita bina perlulah berpaksikan nilai-nilai kemanusiaan, akhlak dan kebudayaan murni. Pembangunan yang kita lakukan memperkayakan nilai dan mengangkat darjat kemanusiaan.

Sehubungan itu, kita juga perlu melihat dengan semangat yang lebih bertanggungjawab semua aspek pembangunan negara dari segi alam sekitar, pengekalan sumber alam untuk generasi akan datang dan juga keselamatan. Usaha ini, misalnya, dari segi kawalan dan perundangan sebenarnya telah dilakukan. Namun, tragedi Highland Towers, Hulu Kelang menuntut usaha tersebut bukan sekadar diteruskan, bahkan dipertingkatkan. Kita perlu meningkatkan azam untuk membuat perancangan pembangunan dengan teliti. Pembangunan tidak boleh didorong oleh keuntungan semata-mata tanpa mengira kesan terhadap alam sekitar dan keselamatan awam. Kita berasa amat sedih dan dukacita kerana meski pun kita telah mendapatkan bantuan pakar yang terbaik di dunia dan dengan kegigihan pasukan penyelamat negara dan negara-negara luar, tidak seorang pun mangsa yang dapat diselamatkan, kecuali seorang ibu dan anaknya di hari pertama atas usaha Pasukan Bomba.

Manusia perlu berusaha sedaya upaya, namun Allah Subhanahu Wa Ta'ala juga yang menentukan segala-galanya. Kita mengucapkan takziah kepada waris dan sanak-saudara mangsa tragedi tersebut. Kita juga mengucapkan penghargaan kepada pihak Polis, Tentera, Bomba, Hospital Besar Kuala Lumpur, sektor swasta dan semua rakyat Malaysia yang menunjukkan keprihatinan dan perpaduan yang luar biasa dalam menangani tragedi tersebut. Kita juga berterima kasih dan amat menghargai Pasukan Penyelamat dari Singapura, Jepun dan Perancis yang telah berusaha keras untuk menyelamatkan mangsa.

Namun, kita perlu mengambil iktibar serta pengajaran dari tragedi tersebut dan melihatnya dari semua aspek dengan saksama. Jawatankuasa Kabinet mencadangkan penubuhan satu Pasukan Penyelamat untuk menangani cabaran seperti ini di masa hadapan. Kita akan memperketatkan syarat-syarat kelulusan pembangunan dari segi keselamatan dan alam sekitar. Sementara itu, kelulusan semua kondominium dan bangunan di lereng bukit ditangguhkan untuk sementara waktu. Pasukan Khas tersebut akan membuat kajian segera terhadap keselamatan semua kondominium yang sedang dibangunkan dan juga yang sedia ada di lereng bukit.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Rundingan Pusingan Uruguay merupakan peristiwa ekonomi yang terpenting sejak Belanjawan dibentangkan di Dewan Rakyat. Kita mengalu-alukan kejayaan tersebut kerana ia akan membuka peluang pasaran yang lebih besar dalam bidang

pertanian, keluaran perkilangan dan perkhidmatan kepada pedagang dan pengusaha Malaysia. Tetapi pada masa yang sama, pasaran tempatan juga akan dibuka kepada persaingan dari luar sejajar dengan komitmen Malaysia dalam rundingan tersebut. Ini termasuklah bidang industri perkhidmatan dan pendidikan. Justeru itu, masyarakat perniagaan tempatan perlu bersedia untuk menghadapi saingan yang lebih sengit dengan kehadiran syarikat asing dengan meningkatkan kecekapan, produktiviti serta daya saing.

Seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam, Malaysia kini telah memasuki tahap baru pembangunan dan perindustrian. Malaysia perlu memperluas dan memperkukuhkan asas sektor pembuatan untuk membuat loncatan memasuki industri berteknologi tinggi. Dengan hasrat ini kita akan memperluaskan industri automotif dan meningkatkan kemampuan industri besi waja. Sektor awam telah dengan jayanya mempelopori industri automotif. Usaha dan kemajuan industri ini selanjutnya akan menjadi tanggungjawab sektor swasta. Tumpuan sektor awam sekarang adalah untuk menjayakan industri aerospace, industri yang kita anggap strategik untuk membina kekuatan ekonomi di masa depan. Kita sedang mengkaji pemberian insentif untuk merangsang pertumbuhan industri tersebut.

Akhirul kalam, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana ekonomi Malaysia telah mencatat kejayaan yang luar biasa

selama 6 tahun berturut-turut dan mempunyai prospek yang meyakinkan untuk tahun-tahun akan datang. Saya telah memberikan peringatan, berdasarkan peringatan al-Quran dalam surah 'Yusuf mengenai tahun-tahun gemilang—tujuh tahun gemilang—untuk mempersiapkan tujuh tahun kemarau ekonomi sekiranya kita hadapi. Ini sekadar peringatan supaya kita jangan terlalu selesa dan leka, bahkan bekerja lebih gigih lagi. Kita perlu berusaha dengan lebih gigih, dengan merangka dan raelaksanakan kebijakan ekonomi yang responsif dengan perubahan untuk menjayakan prospek tersebut. Kita akan terus berusaha menjayakan agenda keadilan sosial, pembelaan kepada golongan fakir miskin dan tidak bernasib baik agar bangsa Malaysia terus utuh dan tangkas menghadapi, tetapi ketika yang sama, adil dan penyayang. Belanjawan 1994 adalah sumbangan kita untuk menjayakan cita-cita tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' Haji Annuar bin Musa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibacakan kali kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin.

4.00 ptg,

Dato' Zainol Abidin bin Johari: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul Belanjawan negara bagi tahun 1994 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Pada hemat dan pandangan saya, Belanjawan yang telah dibentangkan itu adalah merupakan suatu Belanjawan yang terbaik dan paling istimewa di antara Belanjawan-belanjawan yang telah dibentangkan sejak negara mencapai kemerdekaan.

Belanjawan berimbang sebagaimana yang ditegaskan oleh Menteri adalah merupakan satu kenyataan yang paling mengejutkan bukan sahaja pengkritik-pengkritik politik di dalam mahupun di luar negara, bahkan juga memeranjatkan segala carta pengulas-pengulas ekonomi, usahawan dan cendekiawan baik di mana sahaja mereka berada. Tidak dapat dinafikan bahawa Belanjawan 1994 adalah secara lahsung ataupun tidak langsung merupakan satu anugerah Kerajaan terhadap segenap lapisan masyarakat di negara ini yang telah bersatu padu dan teguh dengan semangat setiakawan, sama-sama mengembleng tenaga dan berusaha bersungguh-sungguh untuk sama-sama membangunkan negara tercinta ini, sebagai sebuah negara industri yang maju dan berwibawa. Kepekaan Kerajaan terhadap jeritan batin golongan yang berpendapatan rendah dan keprihatinan mereka untuk mengatasinya begitu terserlah sekali dengan pemansuhan cukai pendapatan ke atas seramai 60,000 orang pembayar cukai dan pembayaran bonus kepada kakitangan Kerajaan melebihi daripada paras yang dituntut oleh CUEPACS sendiri.

Segala pencapaian ini adalah merupakan satu manifestasi dan bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pemimpin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sentiasa berusaha untuk membangunkan negara ini sebagai sebuah negara yang unggul, maju dan bermaruah, di samping meninggikan taraf hidup rakyat baik di mana pun mereka berada. Tidak hairanlah saya, sekiranya Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan sendiri, dilaporkan oleh Utusan Malaysia pada 30hb Oktober 1993 sebagai berkata, "bahawa Belanjawan Negara 1994 sebagai Belanjawan yang baik dan sempurna". Beliau selanjutnya berkata bahawa Belanjawan ini mempunyai keseimbangan dalam semua aspek, realistik serta memberi faedah kepada golongan berpendapatan rendah dan korporat. Beliau juga melahirkan rasa keseronokan kerana bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sebanyak RM1.5 bilion merupakan peningkatan yang amat bagus, Kenyataan beliau ini jelas membuktikan aspek-aspek berikut:

- (i) satu pengiktirafan oleh kawan dan lawan dalam menjunjung tinggi Belanjawan yang dibentangkan;
- (ii) secara langsung menolak tohmahan bahawa Kerajaan Pusat menganak-tirikan Kerajaan-kerajaan yang dipimpin oleh parti pembangkang; dan
- (iii) satu bukti bahawa Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah

merupakan satu tenaga pimpinan yang dinamik, matang dan berwibawa di dalam menguruskan ekonomi negara dengan cemerlang.

Oleh yang demikian, saya merasa hairan bin ajaib, mengapa parti-parti Pembangkang lebih-lebih lagi Semangat 46 masih lagi wujud di negara ini. Pada hemat saya, sudah tiba masanya bagi setiap golongan dan setiap lapisan masyarakat negara ini untuk mengeneipkan fahaman politik mereka yang bercanggah dengan kehendak dan aspirasi majoriti rakyat di negara ini untuk kembali ke pangkal jalan dengan menyertai parti-parti di dalam komponen Barisan Nasional. Jika konteks ini direalisasikan, saya percaya sudah pasti persoalan integrasi nasional, pembangunan negara yang lebih pesat dan penumpuan ke arah pencapaian Wawasan 2020 akan tercapai lebih cepat dan mendadak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menggariskan segala hidangan yang enak-enak dan pujian yang melambung tinggi, kadang-kadang setinggi langit terhadap Anggaran Belanjawan 1994 yang telah dibentangkan oleh Menteri, kadang-kadang saya merasa sesak nafas, sebak dada dan pilu yang amat mendalam kerana satu golongan insan di tanahair, telah tidak diberi tumpuan yang khusus oleh Yang Berhormat Menteri dan jauh sekali daripada disebut di dalam Belanjawan sebagai satu golongan yang sepatutnya diberi kemudahan khas mempertimbangkan, mempertingkatkan kehidupan dan kebajikan mereka. Golongan yang saya maksudkan itu ialah merupakan golongan bekas-bekas perajurit

ataupun bekas-bekas tentera. Yang mana pada masa ini, keluarga mereka berjumlah tidak kurang daripada 2.5 juta orang yang terdapat di segenap pelusuk tanahair. Penderitaan mereka begitu ketara dan kehidupan mereka sentiasa dihipit kemiskinan akibat ketiadaan sebarang peruntukan atau akta yang khusus bagi melindungi dan menjamin kebajikan mereka. Beginilah nasib bekas pejuang-pejuang tanahair yang pada suatu ketika dianggap sebagai wira negara. Pengorbanan serta sanjungan yang tinggi melangit terhadap keperwiraan mereka seolah-olahnya turut terkubur bersama-sama tarikh persaraan khidmat mereka. Apakah kita sanggup melihat penderitaan mereka ini berterusan tanpa sebarang pembelaan atau adakah memadai buat kita menyumbangkan sesen dua pada setiap kali Tabung Rayuan Hari Pahlawan diedarkan kepada kita pada setiap tahun sebagai tanda keprihatinan serta penghargaan kita, kononnya turut membela nasib bekas-bekas perajurit yang kurang berupaya.

Saya sedar dan insaf bahawa kita sekalian terutamanya Kerajaan boleh melakukan lebih daripada itu bagi meringankan bebanan dan kesangsaraan mereka itu. Kalau peladang, petani, nelayan, penjaja kecil, wargatua dan hatta Orang Asli sekali pun ada Akta melindungi mereka. Mengapa tidak bekas-bekas perajurit yang telah menggadai dan mengorbankan nyawa untuk mengamankan negara tercinta ini.

Sebagai langkah awal untuk memperbaiki keadaan, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah pun

mengorak langkah dengan menyediakan satu draf Akta Pertubuhan sebagai satu saranan untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan mengenai usaha-usaha yang patut dilaksanakan bagi mempertingkatkan taraf kehidupan serta tahap kebajikan bekas-bekas perajurit. Draf Akta tersebut telah pun diserahkan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk dipertimbang dan kelulusan Kerajaan pada 25hb Julai 1993 iaitu tarikh keramat di mana satu perhimpunan raksasa bekas-bekas perajurit dengan Perdana Menteri telah berlangsung di Stadium Negara Kuala Lumpur. Bagaimanapun, kelulusan dan perkembangan lanjutnya, alhamdulillah masih ditunggu-tunggu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam memperkatakan persoalan bekas-bekas perajurit, kita tidak akan dapat lari daripada membuat perbandingan dengan pelbagai kemudahan yang dinikmati oleh bekas-bekas perajurit daripada negara-negara jiran.

Umpamanya, pertama, di negara Thailand, mereka mempunyai hospital sendiri. Sementara itu Kerajaan juga telah bersungguh-sungguh membantu ahli-ahli yang cacat dan sebagainya dengan menubuhkan pelbagai kilang pengeluaran terutamanya pakaian dan lain-lain peralatan ringan untuk keperluan dan kegunaan angkatan tentera mereka.

Kedua, di (Yogyakarta), Indonesia, mereka mempunyai "Universitas Veteran" ataupun Universiti Veteran untuk anak-anak dan cucu-cucu bekas-

bekas perajurit, Sementara itu pula di Filipina, Kerajaan menubuhkan Bank Bekas Perajurit Filipina (Philippines Veteran Bank).

Ketiga, di Taiwan pula, kedudukan bekas-bekas perajurit di sana bukan sahaja teguh dan disegani bahkan sungguh terpelihara lagi cemerlang. Mereka memiliki gedung-gedung, kilang-kilang yang canggih bahkan syarikat kejuruteraan yang terunggul sehingga berupaya memenangi kontrak binaan yang besar di dunia, termasuk membina beberapa lebuh raya di Malaysia sendiri. Sementara itu bagi bekas-bekas perajurit yang lanjut usia serta uzur ditempatkan pula di rumah orang tua-tua mereka sendiri dan diberi elaun yang lumayan pada setiap tahun. Keadaan ini amatlah berbeza sekali di Malaysia ini. Oleh hal yang demikian, langkah-langkah yang wajar bagi mengatasi ketidakseimbangan ini perlulah dilakukan segera kerana:

- (1) Sejurus selepas mengangkat sumpah sebagai anggota tentera, anak-anak muda daripada kampung dan desa ini telah melangkah masuk ke suatu dunia yang begitu terasing buat mereka, dunia yang penuh dengan peraturan, norma tersendiri dan rejimentasi, dunia yang kasar, agresif dan menempuh suatu kehidupan yang sentiasa berhadapan dengan realiti kematian. Hatta pakaian seragam mereka merupakan tirai yang memisahkan warga tentera dengan masyarakat awam. Setelah sekian lama berkhidmat dengan dunia yang

terasing itu kebanyakan mereka terpaksa bersara tatkala berada di dalam lingkungan umur yang tersangat muda. Paling awal umur baru meningkat 29 tahun dan paling lewat 45 tahun. Mereka masih lagi produktif tetapi terpaksa berhadapan dengan cabaran dan pelbagai dugaan untuk menyambung sisa-sisa hidup, pada ketika itulah anak-anak sedang membesar. Dengan pengalaman dan kemahiran di dalam pelbagai bidang, tenaga muda yang masih produktif ini adalah merupakan suatu aset yang tidak ternilai terhadap pembangunan negara.

Oleh hal yang demikian, usaha yang bersungguh-sungguh bagi mempelbagaikan tenaga muda ini demi membantu pertumbuhan ekonomi negara hendaklah dilakukan segera, seperti mengadakan perancangan yang teliti dan peruntukan kewangan yang secukupnya bukan sahaja di dalam membimbing, bahkan juga membantu secara berterusan agar program bertindak supaya bekas-bekas perajurit berkenaan dapat bersaing dan maju dalam bidang yang diceburinya sehingga mencapai kejayaan.

- (2) Bagi menjamin penglibatan bekas-bekas perajurit di bidang perniagaan secara berterusan sama ada secara

kecil-kecilan ataupun secara besar-besaran, saya ingin mencadangkan melalui Dewan yang mulia ini supaya diwujudkan sebuah tabung pusingan khusus bagi membimbing dan menjamin aliran modal yang secukupnya untuk pertumbuhan dan perkembangan sesuatu bidang perniagaan yang diceburi oleh bekas-bekas perajurit tersebut.

- (3) Mengenai kamahiran ketukangan di dalam Angkatan Tentera telah lama diperkatakan serta dipertimbangkan. Namun, sehingga sekarang cuma 40 jenis ketukangan daripada berpuluh-puluh ketukangan tersebut yang baru diiktiraf oleh Kerajaan. Ini adalah disebabkan birokrasi yang terlalu ketat yang dikenakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Di dalam konteks ini, kita harus menyedari bahawa pada setiap tahun Kerajaan telah membelanjakan sejumlah kewangan yang besar bagi melatih dan mempertingkatkan tahap profesionalisma perajurit-perajurit kita melalui pelbagai jenis kursus sama ada daripada dalam mahupun luar negara. Adalah menjadi usaha yang sia-sia dan membazir sekiranya ketukangan mereka ini tidak diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, setelah Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi melahirkan anggota-anggota yang terlatih di bidang masing-masing. Oleh itu, saya mohon

mencadangkan supaya Kerajaan tegasnya Jabatan Perkhidmatan Awam hendaklah memberikan pengiktirafan secara automatik kepada segala ketukangan yang terdapat di dalam Angkatan Tentera Malaysia.

- (4) Bagi membantu untuk mempertingkatkan tahap kebajikan kepada bekas-bekas perajurit yang kurang upaya, saya mencadangkan supaya sejumlah wang peruntukan tahunan yang secukupnya hendaklah disediakan oleh Kerajaan dan disalurkan melalui Persatuan Bekas Perajurit pada setiap tahun. Peruntukan sedemikian boleh membantu Persatuan daripada terpaksa memungut derma pada setiap tahun 'seolah-olah sebagai pengemis profesional untuk mengisi tabung kebajikannya. Pada setiap tahun Persatuan Bekas Perajurit Malaysia membelanjakan di antara RM500,000 sehingga RM700,000 bagi memenuhi pelbagai skim bantuan kebajikan di bawah kelolaannya.
- (5) Sebagai sebuah persatuan yang ingin berkembang maju serta mencapai tahap kewangan yang stabil dan mantap, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah menubuhkan Syarikat PBPM Holdings Sdn. Bhd. yang dipermodalkan sendiri sepenuhnya oleh persatuan tersebut.

Adalah diharapkan segala keuntungan daripada syarikat itu nanti akan dapat disalurkan kembali kepada persatuan semata-mata untuk memenuhi keperluan ahli-ahli di bidang kebajikan. Bagi menentukan perkembangan dan keberkesanan dan kejayaan usaha-usaha ini saya ingin mencadangkan supaya:

- (i) Kerajaan serta lain-lain agensi Kerajaan hendaklah memberi keutamaan terhadap urusniaga syarikat bekas perajurit ini;
- (ii) K e m e n t e r i a n Kewangan khususnya hendaklah memberi keutamaan kepada syarikat ini dengan memberi sejumlah besar saham-saham terbitan yang diperuntukkan kepada bumiputera di bawah kelolaan Kementerian berkenaan.

Saya suka memaklumkan melalui Dewan yang mulia ini bahawa keadaan bekas perajurit adalah berbeza dengan bekas Polis. Untuk menjadi bekas Polis mereka berusia 55 tahun dan mempunyai pencen bulanan atau pendapatan tetap tiap-tiap bulan. Manakala bekas perajurit pula hanya 18%-20% sahaja yang pencen atau bersara dan mendapat pencen bulanan tetap. Manakala yang lain, yang masih berusia muda dalam lingkungan 28 tahun, 30 tahun dan 40 tahun; yang

berhenti dari Angkatan Tentera. Sekarang ini terdapat di antara 5,000—6,000 orang dari semua pangkat berhenti dari Angkatan Tentera pada tiap-tiap tahun dan ini menjadi beban serta masalah besar kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kini kebanyakan orang terkeliru kerana terdapat pelbagai pertubuhan yang membayangkan seolah-olah dimiliki oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Misalnya, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Perwira Habib Bank, Koperasi Angkatan Tentera dan pelbagai lagi nama syarikat dan pertubuhan lain yang membawa pengertian yang sama. Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan di sini dan di mana-mana juga bahawa syarikat-syarikat gergasi tersebut bukanlah milik persatuan, malah tidak mempunyai sebarang hubung-kait sama sekali dengan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Namun begitu, kita memahami bahawa Lembaga Tabung Angkatan Tentera adalah wujud di atas keringat, pengorbanan serta wang caruman daripada anggota-anggota Angkatan Tentera sendiri. Ia adalah sama seperti Kumpulanwang Simpanan Pekerja kepada pekerja-pekerja awam di dalam sektor awam dan swasta.

Bagaimanapun, saya berpendapat bahawa Lembaga Tabung Angkatan Tentera mempunyai obligasi bukan sahaja kepada pencarum-pencarum semasanya bahkan juga terhadap bekas-bekas pencarumnya. Buat masa ini kuasa Lembaga Tabung Angkatan Tentera untuk melaksanakan perkara tersebut adalah amat terbatas, kerana

Akta LTAT tidak meliputi hal-hal yang sedemikian. Justeru itu, saya mohon mencadangkan supaya Akta LTAT hendaklah dipinda dengan secepat mungkin bagi membolehkan mereka terus memainkan peranan untuk membantu bekas-bekas pencarumnya dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, telah diketahui umum, bahawa rakyat Malaysia yang termiskin sekarang ini sedang menikmati Skim Bantuan Amanah Saham Bumiputera. Mereka ini diperuntukkan sejumlah wang untuk dilaburkan dalam Skim Amanah Saham Bhd. Saya berpendapat dan mencadangkan supaya Kerajaan memperluaskan kemudahan atau kaedah skim tersebut kepada seluruh anggota bekas perajurit di tanah air sebagai satu usaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Sekiranya program ini dilaksanakan, saya berkeyakinan penuh bahawa ia boleh bertindak sebagai satu insentif kepada pelbagai pihak termasuk mendorong lebih ramai anggota masyarakat yang berpotensi dan berkelayakan memilih perkhidmatan ketenteraan sebagai pilihan utama kerjaya mereka.

Sebagaimana termaklum, pahlawan yang menunjukkan keberanian yang luar biasa menentang musuh telah dianugerahkan pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) dan diberi elaun sebanyak RM200 sahaja sebulan. Bagi mewujudkan keseimbangan di antara pengorbanan dan darjat anugerah tersebut, saya pohon mencadangkan supaya elaun sebanyak RM200 ini hendaklah dinaikkan kepada RM500 sebulan. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli yang masih

hidup yang meyandang pingat SP ini hanyalah 2 orang sahaja, bukan 20 orang, bukan 200 orang ataupun bukan 2,000 orang—dua orang sahaja. Sementara itu, saya pohon mencadangkan supaya penerima Pingat Gagah Berani (PGB) pula diberi elaun sebanyak RM200 sebulan. Walaupun anugerah-anugerah wang masih terlalu kecil jikalau dibandingkan dengan pengorbanan seseorang terhadap negara tercinta atau ganjaran yang diberikan kepada ahli-ahli sukan negara ataupun 'Penyanyi-penyanyi Pujaan 10 Nescafe', namun jika diimplementasikan, akan mencerminkan kepekaan Kerajaan terhadap jasa-jasa mereka yang telah menggadai nyawa untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus merasa syukur kerana penglibatan yang bersungguh-sungguh, serta taat setia yang tidak berbelah bahagi oleh Angkatan Tentera Malaysia telah menyumbang ke arah kestabilan keselamatan negara yang secara langsung telah memberi peluang wujudnya pertumbuhan ekonomi yang sihat serta kestabilan politik di negara ini. Namun begitu, di dalam kita menikmati udara kemantapan keselamatan janganlah kita leka daripada mempertingkatkan keupayaan serta profesionalisma Angkatan Tentera bagi mencapai cabaran yang lebih canggih dan sofistikated.

Di masa hadapan kita tidak mahu melihat negara kita menjadi sebuah negara apabila "terantuk barulah tengadah". Oleh hal yang demikian usaha-usaha ke arah mempertingkatkan prestasi dan keupayaan

Angkatan Tentera hendaklah diberi keutamaan. Di samping itu, kebajikan mereka juga perlulah kita berikan perhatian semoga Angkatan Tentera kita dapat berkhidmat dengan selesa dan cemerlang. Di antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian ialah kadar sewa rumah. Bagi anggota tentera yang sudah berumah-tangga, kadar sewa patutlah dinaikkan daripada kadar sewa sekarang. Sebagai contohnya, kadar sewa sebuah flat di Pulau Pinang ialah di antara RM300 hingga RM500 sebulan, sementara itu kadar sewa rumah teres satu tingkat di Johor Bahru ialah di antara RM800 hingga RM1,000 sebulan. Pada hal elaun bagi perumahan angkatan tentera peringkat rendah adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan kadar sewa yang saya maksudkan itu. Oleh hal yang demikian, maka timbulkan fenomena di kalangan anggota tentera sendiri yang mengakibatkan anggota-anggota bawahan terpaksa menyewa rumah-rumah sewa sama ada terlalu jauh daripada kem mereka ataupun terpaksa menyewa rumah-rumah setingan.

Dalam hubungan ini, adakah memadai bagi kita melihat wira-wira negara kita itu menjadi peneroka rumah-rumah haram ataupun setingan di pinggir-pinggir bandaraya. Bagi pendapat saya, mereka itu tidak layak tinggal di rumah sedemikian dan patut diberi perhatian untuk mendapatkan rumah-rumah yang lebih selesa dan selamat. Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan supaya elaun perumahan bagi anggota tentera peringkat rendah hendaklah dikaji semula dan dinaikkan mengikut kadar sewa di mana mereka ditempatkan.

Satu lagi perkara ialah mengenai status ataupun pengiktirafan terhadap pegawai-pegawai muda yang baru ditauliahkan dengan kelulusan profesional daripada institusi-institusi pengajian tinggi ataupun universiti-universiti. Pada masa sekarang, banyak di kalangan mereka telah pun memasuki angkatan tentera sebagai menyahut seruan Kerajaan untuk mendapat golongan-golongan berkelulusan tinggi menganggotai Angkatan Tentera Malaysia. Namun begitu, satu perkara yang menyedihkan dan tidak memberangsangkan kemasukan pegawai-pegawai muda ialah mengenai taraf tanggagaji mereka yang hanya berada di tahap kumpulan B di sektor awam sedangkan rakan-rakan mereka yang mempunyai kelulusan yang sama dan berkhidmat dengan Kerajaan menduduki taraf Kumpulan A dalam sektor awam. Oleh hal yang demikian, saya juga mencadangkan di sini supaya tanggagaji bagi pegawai-pegawai muda memiliki ijazah-ijazah ataupun kelulusan-kelulusan profesional daripada institusi-institusi pengajian tinggi daripada dalam ataupun luar negeri hendaklah dinaikkan supaya separas dengan rakan-rakan mereka di dalam sektor awam, iaitu berada di dalam Kumpulan A.

Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi pengurusan juga sekarang ini melalui sistem kawalan yang canggih dan automatik. Saya mendapat faham bahwa sistem pengurusan depo-depo bekalan di dalam Angkatan Tentera Darat, Laut dan Udara masih ketinggalan zaman kerana terus mengamalkan sistem yang lapuk yang

menggunakan tenaga kerja yang banyak. Oleh hal yang demikian, bagi meningkatkan keupayaan dan kebolehan pengurusan yang cekap dan cemerlang, saya mencadangkan supaya sistem pengurusan depo-depo di dalam Angkatan Tentera hendaklah dinaikkan taraf supaya segala-segalanya dilakukan melalui komputer dan boleh berhubung daripada depo-depo besar dan depo-depo kecil serta juga pengguna-pengguna daripada segala unit yang sedang berkhidmat. Di samping itu sesuatu kajian yang lebih terperinci dan berkesan hendaklah dilakukan bagi menyusun semula organisasi depo-depo tersebut supaya segala sistem yang boleh mempertingkatkan produktiviti hendaklah dilakukan. Ini bagi mengelakkan anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia daripada menjadi bosan sewaktu menjalankan tugas.

Saya suka mengambil peluang di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua yang turut bekerja kuat yang akhirnya berjaya membawa Sukan Komanwel ke Malaysia pada tahun 1998. Seluruh rakyat Malaysia harus berbangga dengan kejayaan yang bersejarah ini. Sekarang ini usaha-usaha yang serius sedang dibuat bagi membuat persiapan rapi. Apa yang paling malang ialah tidak tersenarainya pertandingan bola sepak (football) di dalam Sukan Komanwel ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum, bola sepak adalah permainan rakyat. Setiap lapisan rakyat

di negara ini, kecil, besar, tua dan muda, di bandar dan di kota cintakan bola sepak. Hinggalah baru-baru ini seramai 17 orang terkorban dalam satu kemalangan jalan raya kerana untuk menyaksikan Pertandingan Bola Sepak Piala Malaysia. Kita dapat melihat betapa larisnya tiket dijual. Yang masih menjadi tanda tanya ialah, bagaimana cara penjualan tiket dibuat sehingga ianya habis dengan begitu cepat sekali. Kita semua dapat melihat betapa sesak dan penuhnya Stadium Merdeka dengan penonton-penonton berpuluh-puluh ribu dan berjuta-juta yang lain terpaksa melihat melalui kaca TV. Ini semua membuktikan bahawa bola sepak boleh menarik jutaan penonton atau crowd puller, dengan izin, kerana bola sepak adalah permainan rakyat.

Tetapi mengapa pula, permainan ini tidak termasuk dalam Sukan Komanwel—mengapa? Adakah ini kerana President Olympic Council of Malaysia tidak lagi berada di dalam FAM, kalau permainan bola 'kana' atau rugby dapat disenaraikan dalam Sukan Komanwel, saya tidak nampak mengapa bola sepak atau football permainan rakyat ini tidak dapat disenaraikan dalam Sukan Komanwel. Saya merayu dan mencadangkan melalui Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan campur tangan dalam hal ini dan memasukkan bola sepak atau football permainan rakyat ini ke dalam Sukan Komanwel yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menarik perhatian Dewan ini mengenai masalah bekas perajurit terutamanya bagi mereka yang

memerlukan bantuan daripada Kerajaan terutamanya di dalam mendapatkan tanah ataupun tapak-tapak perumahan. di dalam hubungan ini, saya ingin menyatakan bahawa, pada masa ini terdapat seramai 93 kelamin bekas-bekas perajurit yang telah membelanjakan seluruh wang ganjaran mereka hasil daripada perkhidmatan mereka dengan angkatan tentera bagi membina rumah masing-masing di Kampung Desa Pahlawan di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Bagaimanapun paling menyedihkan rakan-rakan mereka yang termasuk di dalam kawasan Negeri Selangor Darul Ehsan, di dalam kawasan yang sama telah pun diberi hak milik tanah masing-masing. Tetapi yang mendirikan rumah di kawasan Wilayah Persekutuan, sehingga sekarang ini Alhamdulillah masih lagi terawang-awang dan nasib mereka tidak menentu sama ada akan memperolehi hak milik yang sama sebagaimana rakan-rakan mereka di dalam kawasan Negeri Selangor Darul Ehsan ataupun tidak. Permohonan demi permohonan dan memorandum demi memorandum telah dimajukan kepada pihak-pihak berkuasa termasuk Yang Amat berhormat Perdana Menteri tetapi hingga ke hari ini Alhamdulillah, masih belum berjawab. Mereka ini telah tinggal di kawasan bekas lombong ini sejak dari tahun 70an lagi. Justeru itu, . saya mencadangkan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hendaklah mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi menentukan bahawa bekas-bekas perajurit tersebut diberi hak milik masing-masing dengan segera supaya dapat membantu mereka memiliki tanah tapak rumah yang berkenaan.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya sebutkan perkara tanah lot 4152 dan 4153 Desa Pahlawan yang mengandungi 70 lot atas tanah seluas 16 ekar ini di atas justifikasi-justifikasi berikut:

- (a) Kampung ini dirancang pembinaannya dengan tersusun rapi mengikut pelan struktur yang betul. Lot-lot juga telah diukur oleh firma ukur yang bertauliah dan telah dimajukan permohonan kepada Pejabat Tanah. Semua kos ini ditanggung oleh penduduk sendiri.
- (b) Penduduk-penduduk kampung ini adalah ahli UMNO yang menyokong kuat Barisan Nasional yang memenangi setiap kali pilihanraya pemilihan Wakil Rakyat kawasan Titiwangsa.
- (c) Terdapat kampung-kampung lain di sekitar Kuala Lumpur yang seumur dengan kampung ini seperti di Cheras Baru, Selayang, Sungai Besi, Empat Tin, Batu Muda dan lain-lain telah diberi hak milik bergeran oleh Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan.

Kampung ini akan dijadikan sebuah perkampungan Melayu contoh di ibu kota selaras dengan pembangunan bandar.

Tidak lengkap ucapan saya ini kalau saya tidak sebut berhubung dengan Pertunjukan LIMA 1993. Kita patut

merasa syukur dan mengalungkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri yang lain dan juga pegawai-pegawai mereka yang telah bertungkus lumus membuat persiapan yang rapi sehingga LIMA 1993 bertukar wajah menjadi suatu pertunjukan yang bertaraf antarabangsa. Kemampuan, kebolehan dan kecemerlangan pentadbiran begitu terserlah sehingga mengkagumkan peserta dan juga pengunjung-pengunjung ke pertunjukan tersebut. Di sini jelaslah bahawa Malaysia mampu untuk mengadakan pameran-pameran dan lain-lain pertunjukan yang bertaraf antarabangsa. Kita harus mengekalkan keupayaan ini serta memperbaiki segala kelemahan untuk menjadi sebuah negara yang betul-betul dinamik dan berdaya maju dalam serba serbi di masa akan datang, insya-Allah. Saya pohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Rahaiah.

4.36 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dan membahas Rang Undang-undang Perbekalan 1994.

Tuan Yang di-Pertua, dekad 1990an hampir mencapai pertengahan usia, kemerdekaan juga telah kita lalui lebih daripada suku abad; berkat kegigihan dan keprihatinan pemimpin-

pemimpin kita semenjak zaman Allahyarham Tunku Abdul Rahman hinggalah ke era Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, ia terus melangkah membina sebuah negara pertanian dan kini membentuk sebuah negara perindustrian sehingga sekarang hampir mencecah newly industrialised country, dengan izin.

Syabas saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga Timbalan Perdana Menteri kerana telah membentangkan Belanjawan yang memberangsangkan. Memang diakui Belanjawan berimbang 1994 yang telah dibentangkan adalah terbaik dan amat sesuai ke arah pembangunan Wawasan. Keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan terhadap wanita terutamanya terhadap ibu-ibu yang bekerja dengan mencadangkan potongan cukai pendapatan terhadap majikan yang menyediakan kemudahan penjagaan anak-anak untuk pekerja-pekerja mulai tahun taksiran 1994 harus diberi pujian. Tidak keterlaluan jika-saya katakan insentif ini merupakan satu lagi tahap dalam mempertingkatkan martabat wanita.

Keprihatinan ini juga turut diutarakan oleh Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Datuk Lim Ah Lek baru-baru ini dalam majlis dialog antara Kementerian Sumber Manusia dan sektor swasta mengenai Isu dan Strategi Pembangunan Sumber Manusia, di mana beliau telah menekankan betapa pentingnya penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan untuk meningkatkan ekonomi dan guna tenaga penuh dalam pasaran buruh negara. Pasti

keprihatinan ini amat disenangi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan menunjukkan sumbangan wanita Malaysia dalam sektor pekerjaan amat rendah iaitu 48% sahaja daripada jumlah kependudukan wanita berbanding dengan pembangunan wanita negara lain dan ia perlu dipertingkatkan lagi. Soalnya sekarang mengapa wanita Malaysia memilih untuk tidak bekerja ataupun berhenti berkhidmat terutama selepas berumah tangga. Pasti ada masalah-masalah yang perlu dititik beratkan misalannya masalah keluarga, masalah penjagaan anak, masalah pekerjaan itu sendiri dan lain-lain. Disebabkan masalah-masalah inilah wanita terpaksa berkorban melepaskan pekerjaan atau karier masing-masing walaupun mereka menyukainya.

Sekiranya wanita dianggap penting dalam pembangunan negara dan bangsa, maka langkah-langkah mengatasi masalah ini perlu dilaksanakan bagi memastikan tidak berlaku sebarang masalah yang boleh menjejaskan guna tenaga wanita dan pasaran buruh. Langkah menyediakan kemudahan penjagaan anak bagi ibu-ibu yang bekerja seperti disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan harus disegerakan dan disusuli dengan galakan dan dorongan dari suami dan majikan agar mereka terus bekerja selepas melahirkan anak.

Kemudahan-kemudahan khas lain seperti wanita mengambil cuti bersalin yang sesuai tanpa menjejaskan pendapatan atau seniority wanita berkenaan.

Sekiranya kemudahan-kemudahan ini diberi, sudah pasti ramai wanita yang akan meneruskan kerjaya mereka di samping menjadi seorang isteri dan juga seorang ibu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Menteri Sumber Manusia merupakan satu laluan dalam meringankan beban yang ditanggung oleh wanita-wanita yang bekerja. Bagaimanapun, penekanan dan perhatian perlu diberi terhadap wanita-wanita yang bekerja sebagai Operator Pengeluaran di sektor perkilangan, memandangkan hampir 80% wanita yang bekerja menceburi sektor ini.

Selama ini wanita-wanita yang bekerja sebagai Operator Pengeluaran sering diabaikan walaupun ada perlindungan di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan juga PERKESO serta ada juga didaftarkan di bawah Kesatuan Sekerja, tetapi masih ada perkara-perkara lain yang harus dititikberatkan oleh pihak majikan—soal penjagaan anak misalnya. Realitinya sukar bagi pekerja-pekerja mengatasi masalah ini dengan sempurna, kerana terpaksa bekerja mengikut 'shift', adakalanya sehingga larut malam, ini tidak termasuk kerja lebih masa. Maka tidak hairanlah kebanyakan wanita-wanita yang bekerja sebagai Operator Pengeluaran di sektor perkilangan berhenti bekerja apabila mula berkeluarga. Majikan juga kemungkinan berfikir adalah lebih baik sekiranya wanita-wanita ini berhenti supaya mudah bagi mereka mengambil tenaga baru, yang bertenaga baru dan memberi tingkat upah yang lebih murah.

Oleh itu, Kementerian harus menetapkan supaya majikan-majikan menyediakan 'Day Care Centres' ataupun pusat jagaan kanak-kanak untuk pekerja-pekerja wanita yang berhampiran dengan tempat kerja dan juga menyediakan pengangkutan yang boleh membawa anak-anak bersama ke pusat jagaan kanak-kanak tadi. Kemungkinan ada kilang menyediakan kemudahan-kemudahan ini. Tetapi saya mencadangkan supaya Kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pendaftaran penubuhan pusat jagaan kanak-kanak dengan mewajibkan majikan-majikan kilang yang tidak menyediakan kemudahan pusat penjagaan kanak-kanak supaya menyediakan kemudahan-kemudahan ini. Ini adalah kerana keperluan pusat jagaan kanak-kanak di kilang-kilang adalah mendesak, dan beberapa masalah teknik perlu ditangani, contohnya keperluan pusat-pusat ini beroperasi 24 jam sehari dan juga masalah teknik yang lainnya.

Saya mengalu-alukan kenyataan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Yang Berhormat Dato' Napsiah Omar yang mana Kementerianya akan membantu majikan-majikan menubuh pusat jagaan ini. Disarankan supaya disegerakan tindakan ini kerana penghalang penubuhan pusat-pusat ini bukan sahaja berkisar kepada kewangan semata-mata. Perhatian khusus perlu diberi supaya kehendak-kehendak Kementerian-kementerian yang terlibat seperti Kementerian Perpaduan Negara dan Kebajikan Masyarakat sendiri, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan, misalnya dapat diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya ketengahkan di sini ialah soal pembangunan sosio-kebajikan pekerja-pekerja kilang tidak kira wanita atau lelaki. Keruntuhan moral dan akhlak akibat kemasukan budaya baru telah menjejaskan nilai-nilai murni ketimuran masyarakat timur. Minggu lalu di dalam Dewan yang mulia ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, apabila diajukan soalan berkenaan dengan hal ini, telah kacau dan tidak mempunyai fakta yang jelas. Pada 13hb Disember dia menyatakan tidak ada 'hot-line' yang diperuntukkan, dan juga mengatakan bahawa menggugur dan membuang bayi bukanlah satu jenayah. Manakala pada 15hb Disember pula telah menyatakan ada 'hot-line' disediakan untuk tujuan tersebut dan tertentu, dan mengaku pula bahawa perbuatan menggugur dan membuang bayi adalah satu jenayah. Di masa yang sama juga dikatakan tidak ada maklumat yang menunjukkan keruntuhan moral berlaku di kalangan pekerja-pekerja kilang.

Pada saya, pengambilan maklumat tentulah harus cekap dan terkini. Apakah Kementerian ini tidak peka terhadap berita-berita akhbar yang melaporkan bahawa perkara-perkara yang tidak sedap didengar ini lazimnya dilaporkan di daerah yang diduduki oleh mereka yang kita sebutkan tadi dan dilaporkan juga tempat kediaman dan tempat kerjanya. Ini yang ada dilaporkan. Yang tidak ada, kita tidak tahu. Mungkin banyak yang tidak dilaporkan di akhbar-akhbar.

Pokoknya jika Kementerian tidak peka di atas maklumat yang sebegini, apatah lagi untuk mencari jalan penyelesaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan apa yang saya sebutkan tadi adalah kesan daripada kejutan-budaya dan juga masalah penyesuaian yang diwujudkan oleh industrialisasi itu sendiri. Saya kira ada berbagai cara untuk menangani masalah ini. Satu pendekatan yang boleh membendung masalah ini supaya tidak terus berleluasa ialah pembangunan sosial yang terancang dan terpinpin. Salah satu cara yang terbaik ialah membangunkan sosio-ekonomi masyarakat kilang ini melalui aktiviti gerakan koperasi. Setakat ini hanya 42 buah koperasi kilang yang berjaya didaftarkan, mengikut kenyataan akhbar yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Khalid Yunus, Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. Angka ini pun saya kira sudah agak terlebih. Tetapi apa yang nyata, beliau menyatakan lagi bahawa angka ini mengecewakan. Oleh itu, sesuatu perlu dilakukan untuk mengatasi halangan yang semuanya berkisar dengan keengganan majikan-majikan bekerjasama dengan Kementerian.

Mengikut maklumat yang ada, masalah yang sama juga berlaku semasa koperasi sekolah baru-baru diperkenalkan dahulu. Berkat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan, yang pada masa itu di bawah naungan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang, tidak apa pun yang dapat menghalang kemaraan penubuhan koperasi di sekolah-sekolah. Kini pencapaian koperasi jenis ini menjadi kebanggaan dan kekuatan gerakan koperasi Malaysia.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun Kementerian lain yang lebih bersesuaian memberi nasihat ataupun 'advice' dengan izin, kepada majikan-majikan untuk membenarkan Jabatan Pembangunan Koperasi menubuh koperasi di kilang masing-masing. Pada saya, kerjasama daripada Kerajaan adalah instrumental kepada kelancaran penubuhan koperasi di kilang-kilang.

Kini sebagai contoh kejayaan ataupun, dengan izin, success, marilah kita lihat Koperasi Nikma Bhd. dan Koperasi Serbaguna Motorola Selangor Bhd. dilaporkan bahawa bukan sahaja turnover pekerjanya kurang tetapi koperasi juga menikmati pegangan syarikat induk tempat mereka bekerja, dan koperasi juga telah mencatat keuntungan di luar dugaan.

Oleh itu, koperasi bukan sahaja menguntungkan pekerja, tetapi juga majikan dan tentunya akan mempengaruhi untuk memantapkan sektor perindustrian itu sendiri. Oleh kerana salah satu matlamat berkoperasi adalah menabung dan menyimpan, maka amat bersesuaian benarlah dengan saranan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan agar kita seluruhnya menyediakan payung sebelum hujan atau bersedia kita bagi menghadapi kemarau. Dengan wujudnya koperasi di kilang-kilang, penabungan akan dapat dibuat secara sistematik dan konsistan, dan dengan mudah akan mencapai matlamat bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan penubuhan Bank Koperasi Nasional yang mana amat dialu-alukan oleh semua koperasi di tanah air. Sekarang semua wang terkumpul kepunyaan koperasi diuruskan oleh bank perdagangan yang mendatangkan pulangan yang biasa. Melalui Bank Koperasi Nasional yang mana pegangan saham adalah milik koperasi-koperasi sendiri sudah tentu di samping mendapat pulangan daripada simpanan, akan mendapat pulangan dalam bentuk keuntungan yang dikongsi bersama. Di samping mendapat manfaat pinjaman yang segera dan kemudahan lain yang akan ditentukan oleh koperasi-koperasi ahli sendiri. Oleh itu, saya sarankan supaya penubuhan Bank Koperasi Nasional ini diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut agihan Belanjawan bagi Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi agak banyak juga yang diperuntukkan bagi pengembangan koperasi. Segala usaha yang dijalankan oleh pihak Jabatan Pembangunan Koperasi untuk tujuan pengembangan ini amat menggalakkan. Malah aktiviti ke arah mengembangkan koperasi wanita sudah ketara. Tetapi benarkan saya membangkitkan di atas peranan yang dimainkan oleh pengembang koperasi yang berselerak di seluruh negara. Masanya sudah sampai bagi prestasi dan peranan mereka dikaji. Ramai di kalangan mereka tidak langsung memahami akan konsep koperasi, dan ramai di kalangan mereka yang hanya raenganggapkan bahawa elaun bulanan yang diterima sebagai anugerah semata-mata. Yang pentingnya adakah 'output' setimpal dengan 'input', dengan izin, yang telah diberi.

Saya juga pada hari ini mencadangkan supaya Kementerian mengkaji semula konsep penyerahan koperasi asas tani dan asas perikanan yang telah diserahkan kepada LPP dan LKIM pada tahun 1973 dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan imbuhan ganjaran bagi ahli Perkhidmatan Awam semoga insentif ini dapat mempertingkatkan perkhidmatan mereka ke arah kecemerlangan sebagaimana yang kita hajati.

Walau macam manapun, saya ingin memberi pandangan untuk memperbaiki perkhidmatan yang ada. Dengan ini saya minta Jabatan Perdana Menteri memastikan bahawa protokol Kerajaan Negeri memberi jempunan kepada Ahli Dewan Negara ini, sekurang-kurang dalam majlis-majlis negeri yang diadakan di hadapan rumah atau di bandar kediaman Ahli-ahli Dewan Negara ini dan juga mohon ditentukan tempat duduk yang sesuai dengan taraf Dewan yang mulia ini. Di masa yang sama diminta juga supaya juruacara-juruacara yang selalunya terdiri daripada pegawai Jabatan Penerangan memberi penghormatan sewajarnya kepada Kerusi Dewan Negara yang mulia ini. Acap kali penghormatan diberi oleh pegawai Jabatan Penerangan secara yang tidak sepatutnya sehinggakan nama Ahli Dewan Negara disebutkan selepas diberi penghormatan kepada Tuan Penghulu Mukim, juga guru-guru Besar dan lain-lainnya lagi. Di harap semua Pegawai Protokol Negeri dan Daerah diselaraskan dan diberi pendidikan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sempena Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1994, tentulah persediaan kita amat rapi dan teratur. Kenaikan mutu perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu dan Orient Express dari Singapura hingga ke Bangkok adalah penting bagi menjayakan tahun tersebut, terutamanya perkhidmatan Orient Express, yang tujuannya untuk menawan pelancong yang berpendapatan tinggi. Di kalangan kita yang biasa menggunakan perkhidmatan KTM sahaja pun tahu akan keselesaan dan perkhidmatan yang superior yang ingin ditampilkan.

Suatu yang nyata, yang amat mengecewakan dan meninggalkan kesan negatif ialah kerana sepanjang perjalanan menaiki keretapi dari Perlis ke Singapura, kita dihidangkan pemandangan yang amat negatif terhadap budaya hidup kita, seperti hutan belukar yang tidak terjaga, paya yang tidak indah dan rumah setinggan yang tidak teratur dan sebagainya.

Ini berbeza sekali dengan pengalaman kita sewaktu perjalanan kita dengan keretapi dari Geneva ke Zurich, misalnya, di mana kita dihidangkan dengan pemandangan kebun tanaman dan kebun buah-buahan yang cukup melegakan mata memandang dan kita balik membawa perasaan yang indah dan menawan. Sudah tentu pengalaman menarik ini akan kita ceritakan kepada kawan kenalan yang akan mempengaruhi untuk melawat negara mereka lagi. Di harap pihak KTM dapat memperuntukkan sebahagian daripada wangnya untuk tujuan ini. Alangkah indahnyanya kalau disepanjang perjalanan,

kita dapat melihat barisan pokok-pokok pisang ataupun kebun-kebun sayur yang segar. Pihak KTM boleh juga, misalnya, menanam pokok teja di sepanjang rel dan apabila cukup masanya bolehlah dipotong untuk dieksport ataupun dijadikan bahan asas untuk industri lainnya dan boleh juga memperolehi keuntungan. Ini adalah idea spontan dari saya dan saya percaya pihak KTM tentulah lebih berdaya-cipta daripada saya di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong, Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

4.53 ptg.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dan untuk menyokong suatu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta bagi menggunakan jumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan ke atas pencapaian-pencapaian ekonominya. Memang, kesemua petunjuk-petunjuk yang ada menunjukkan prestasi ekonomi yang begitu cemerlang sekali. Walaupun prestasi diperingkat antarabangsa adalah buruk pada tahun 1993, namun ekonomi Malaysia dijangka akan tumbuh pada kadar sebenar setinggi kira-kira 8% pada tahun ini dan ini

adalah lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan setinggi 7.8% yang telah dicapai pada tahun yang lepas.

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran bagi negara ini dijangka akan mencatatkan suatu lebihan kira-kira RM0.5 bilion iaitu bersamaan dengan 0.3% daripada Keluaran Negara Kasar pada tahun 1993, berbanding dengan suatu kurangan (defisit) sebanyak RM4.2 bilion iaitu bersamaan 3% daripada KNK pada tahun lepas. Sementara itu kadar pengangguran dijangka jatuh lagi kepada 3% daripada tenaga buruh tahun ini. Ekoran daripada langkah-langkah yang diambil untuk menyekat tekanan harga, inflasi juga dijangka akan jatuh. Angka Tunjuk Harga Pengguna (Consumer Price Index) dijangka meningkat pada kadar yang lebih lambat iaitu 3.8% pada tahun ini berbanding dengan 4.7% seperti yang dicatatkan dalam tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata, ekonomi Malaysia di bawah pimpinan dan pengurusan ekonomi Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, gunatenaga penuh, keseimbangan dalam imbangan pembayaran serta kestabilan harga. Tambahan lagi, sektor awam dijangka buat pertama kalinya dalam suatu jangka masa yang lama mencapai Belanjawan yang seimbang. Ini seterusnya akan mengurangkan keperluan peminjaman sektor awam atau, dengan izin, public sector borrowing requirement, dan seterusnya akan mengurangkan hutang sektor awam. Kesemuanya ini merupakan matlamat-matlamat Dasar Makro Ekonomi yang

sebenarnya sukar dicapai, tetapi telah dicapai di Malaysia. Maka Malaysia sudah tentu merupakan salah sebuah di antara sebilangan kecil negara-negara di dunia ini yang telah mencapai rekod kejayaan ekonomi yang begitu ceraerlang sekali.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita telah mencapai banyak kejayaan dalam bidang ekonomi, namun dengan adanya beberapa isu ekonomi yang saya ingin bangkitkan ekoran daripada kajian saya mengenai strategi Belanjawan bagi tahun 1994.

Yang pertama adalah berkaitan dengan inflasi. Di antara matlamat-matlamat Dasar Makro Ekonomi, kawalan inflasi dan seterusnya pencapaian kestabilan harga mestilah diberikan keutamaan. Dengan adanya kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, sudah tentu tekanan-tekanan inflasi akan berbangkit. Ini lebih-lebih lagi apabila perkembangan dalam perbelanjaan sektor awam dijangka menjadi sebahagian penting daripada permintaan dbmestik dan juga dijangka menjadi sumber kenaikan dalam keupayaan penawaran. Ini adalah lantaran daripada hakikat bahawa perbelanjaan sektor awam yang berbentuk pelaburan mempunyai, dengan izin, long gestation period, ataupun jangkamasa gestation yang lama.

Saya difahamkan bahawa sebahagian besar daripada perbelanjaan ini adalah bagi memperkembangkan lagi stok modal sosial di negara ini seperti memperkembangkan keupayaan penawaran di bidang-bidang

telekomunikasi, bekalan elektrik/air dan telekomunikasi seperti lapangan terbang dan pelaburan. Perbelanjaan-perbelanjaan seumpama ini memang amat perlu sekali untuk menarik pelaburan sektor swasta. Walau bagaimanapun, tekanan-tekanan inflasi yang dijanakan oleh kadar pertumbuhan yang tinggi merupakan masalah yang benar dan harus dikawal.

Di sini pihak kewangan pusat dijangka akan meneruskan dasar kewangan yang ketat iaitu mengawal perkembangan dalam bekalan wang dan dengan cara yang demikian mungkin terpaksa mempertingkatkan kadar faedah. Lebihan dalamimbangan juga akan meninggalkan kesan yang berkembang ke atas bekalan wang dan seterusnya ke atas harga.

Pandangan saya ialah bahawa pelaksanaan suatu dasar kewangan yang ketat termasuk kegunaan sterilization, dengan izin, bagi menyerapkan aliran masuk perolehan pertukaran asing pada asasnya adalah benar jika kita ingin mengawal inflasi. Tetapi kita harus menyeimbangkannya dengan keperluan untuk mengadakan suatu dasar peminjaman yang terpilih. Maksud saya ialah dalam usaha mengetatkan bekalan wang di antara beberapa sektor-sektor produktif tidak harus dinafikan kredit bagi mereka memperkembangkan keupayaan produktif mereka. Memang perkembangan sedemikian amat penting untuk mempertingkatkan penawaran yang juga merupakan satu kaedah yang berkesan untuk melawan inflasi.

Tambahan lagi dengan adanya dasar yang terpilih ini dan jika dasar terpilih ini dapat diuruskan dengan mahir dan betul, ianya akan meninggalkan kesan yang positif ke atas pengagihan pendapatan. Umpamanya, dalam usaha mengawal peminjaman, pihak kewangan pusat harus memberikan petunjuk yang jelas kepada sistem kewangan bahawa adanya beberapa sektor produktif yang penting seperti sektor mengeluarkan makanan, sektor perumahan berkos rendah dan pengangkutan awam yang harus terus diberikan access kepada kredit pada kadar faedah yang rendah. Dengan cara begini, keupayaan penawaran di sektor-sektor produktif ini akan dapat ditambahkan dan seterusnya penawaran yang mencukupi, makanan, perumahan berkos rendah dan pengangkutan awam akan dapat dipastikan.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat utama strategi pembangunan jangka panjang Malaysia seperti yang digariskan dalam Outline Perspective Plan yang kedua atau Rancangan Perspektif Jangka Panjang Kedua ialah pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi yang berterusan (sustainable growth) dengan kesetaraan dalam pengagihan pendapatan.

Saya sendiri bersetuju dengan matlamat ini. Ini adalah kerana sekiranya faedah pembangunan tidak diagihkan dengan setara maka sebahagian besar dari rakyat Malaysia akan ragu-ragu tentang apakah matlamat sebenarnya pembangunan.

Kerajaan harus memastikan bahawa jawapan kepada soalan pembangunan untuk siapa ialah bahawa

pembangunan adalah untuk rakyat. Hanya apabila sebahagian besar daripada rakyat mendapat faedah daripada pembangunan, barulah mereka didorong untuk menyokong usaha-usaha Kerajaan yang bertujuan memajukan ekonomi ke arah hadapan dan memang sokongan seumpama ini adalah penting untuk memastikan kejayaan program pembangunan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya merasa sedikit kecewa apabila saya membaca suatu laporan penyelidikan dasar yang dikeluarkan oleh World Bank (Bank Dunia) baru-baru ini. Laporan penyelidikan ini adalah mengenai "*The East Asian Miracle*" yang mendakwa bahawa tingkat ketidaksetaraan dalam pengagihan pendapatan di Malaysia (selain daripada keempat-empat negara perindustrian baru, iaitu Republic Korea, Taiwan, Hong Kong dan Singapura) adalah juga lebih buruk daripada apa yang terdapat di Indonesia dan Thailand. Dalam laporan ini, tingkat ketidaksetaraan adalah diukur dengan membahagikan sebahagian daripada jumlah pendapatan yang diperolehi oleh 20% daripada rakyat yang terkaya dengan bahagian daripada jumlah pendapatan yang diperolehi oleh 20% daripada rakyat yang termiskin.

Ukuran ketidaksetaraan dalam pengagihan pendapatan ini seterusnya dikorelasikan dengan kadar pertumbuhan dalam KDNK perkapita bagi tempoh 1965 hingga 1990. Mengikut laporan ini lagi, kesemua ekonomi di Asia yang telah mencapai prestasi yang cemerlang seperti yang

disebutkan tadi iaitu ekonomi perindustrian baru termasuk Indonesia, Thailand dan Malaysia telah mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan tingkat ketidaksetaraan dalam pengagihan pendapatan yang rendah kecuali Malaysia yang walaupun mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, tetapi pencapaian kadar pertumbuhan yang tinggi telah disertai dengan tingkat ketidaksetaraan dalam pengagihan pendapatan yang agak tinggi.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada ukuran-ukuran yang saya telah sebutkan tadi, Indonesia pada puratanya telah mencapai kadar pertumbuhan per kapita 5% setahun dalam tempoh 1965 hingga 1990 dan mempunyai tingkat ketidaksetaraan dalam pengagihan pendapatan setinggi 6%, sementara Thailand mempunyai purata 4% dan 8%, masing-masing. Bagi Malaysia kadar pertumbuhan dalam KDNK per kapita bagi tempoh ini ialah kira-kira 4% dan tingkat ketidaksetaraan dalam pengagihan pendapatan ialah 15%. Saya mendapati perangkaan ini khasnya mengenai ketidaksetaraan dalam pengagihan pendapatan apabila dibandingkan dengan Indonesia dan Thailand, sukar untuk dipercayai.

Walau macam manapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kerajaan untuk menumpukan perhatiannya kepada isu memperbaiki kesetaraan dalam pengagihan pendapatan yang begitu penting ini. Memang Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya membasmikan kemiskinan mutlak atau, dengan izin,

absolute poverty. Malah, dalam pengagihan pendapatan pun, Kerajaan Barisan Nasional telah mencapai kesetaraan yang lebih setara atau saksama; tetapi saya rasa usaha-usaha yang lebih harus ditumpukan dalam hal ini. Salah satu cara untuk mencapai matlamat ini mungkin dengan mewujudkan sebuah demokrasi memiliki saham melalui pelaksanaan suatu rancangan saham rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, lantaran daripada penswastan yang telah pun dilakukan secara besar-besaran oleh Kerajaan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, pasaran modal di negara ini telah pun diperkembangkan dengan pengeluaran saham yang bernilai berbilion-bilion ringgit oleh syarikat-syarikat dan perbadanan-perbadanan yang dimiliki oleh Kerajaan. Akan tetapi, sebahagian besar daripada saham-saham ini telah pun diperolehi oleh kelas-kelas menengah dan kaya. Kumpulan-kumpulan yang miskin telah pun diketepikan.

Di sini saya ingin mencadangkan bahawa mulai dari sekarang, syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan harus mempertimbangkan secara serius cara memperuntukkan sebahagian besar daripada saham-sahamnya kepada kumpulan-kumpulan miskin sasaran atau, dengan izin, target poverty groups seperti nelayan-nelayan yang miskin, pekebun-pekebun kecil getah, penanam-penanam padi, pekerja-pekerja di ladang dan pekerja-pekerja di bandar yang menerima pendapatan di bawah satu garis tertentu sebulan.

Kesemua yang memohon haruslah diberikan saham mengikut asas purata. Firma-firma yang menjual-beli saham haruslah bekerjasama dan mesti sedia menjual dan membeli saham mengikut unit-unit di bawah 1,000 unit supaya dapat memastikan kejayaan skim ini. Penjualan pada harga yang lebih rendah membenarkan kumpulan-kumpulan ini membayar secara ansuran dan memberikan pinjaman pada kadar faedah yang rendah kepada mereka ini supaya membenarkan mereka memperolehi saham-saham. Secara alternatif, Tuan Yang di-Pertua, saham-saham ini bolehlah dibeli bagi kumpulan-kumpulan ini melalui syarikat-syarikat kerjasama ataupun unit-unit amanah saham. Memang langkah yang saya baru sebutkan ini telah pun dilakukan tetapi yang layak menyertai unit-unit amanah ini adalah terdiri daripada sesuatu kumpulan tidak kira kumpulan pendapatannya.

Saya berharap suatu unit amanah yang membenarkan penyertaan oleh hanya mereka yang miskin dari semua kaum dapat dilancarkan dalam sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kini giat bergerak ke fasa matang program perindustriannya. Fasa ini melibatkan penggalakkan penubuhan industri-industri yang lebih canggih dan berteknologi tinggi yang merupakan industri-industri berintensif kemahiran dan fikiran, dengan izin, skilled and brain intensive. Supaya fasa ini dapat dijayakan, maka negara kita memerlukan penawaran bagi pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang teknik, vokasional dan kejuruteraan.

Penawaran pekerja-pekerja seumpama ini adalah penting supaya pekerja-pekerja ini dapat menguasai apa yang disebutkan sebagai teknologi proses. Dengan adanya penguasaan teknologi-teknologi proses ini, maka pergerakan Malaysia ke tahap negara perindustrian yang lebih maju akan dapat dijayakan. Sebaliknya, kalau tidak adanya penguasaan sedemikian rupa, maka pergerakan Malaysia ke tahap negara perindustrian mungkin dijejaskan.

Masalahnya ialah, bagaimanakah kita dapat mengeluarkan sumber-sumber manusia yang mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang sains, teknik dan kejuruteraan? Kedua-dua sektor awam dan swasta di Malaysia sedar akan perlunya sumber-sumber manusia dikembangkan dan kedua-dua sektor ini juga sedar akan pentingnya keupayaan teknologi bagi firma-firma dalam negara ini dipertingkatkan. Usaha-usaha membentuk modal manusia dan mempertingkatkan paras teknologi telah pun dipertingkatkan baru-baru ini. Sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan untuk kemajuan perindustrian telah pun ditubuhkan dalam tahun 1990 dan suatu laporan mengenai bagaimanakah kekurangan kemahiran dapat diatasi telah pun juga disediakan dan diterbitkan. Kumpulan wang untuk kemajuan sumber-sumber manusia telah pun juga dilancarkan. Latihan dikaitkan dengan perubahan teknik agar memastikan bahawa pekerja-pekerja Malaysia akan lebih sedia untuk menghadapi cabaran menyerap dan menyelaraskan kepada teknologi yang lebih baru dalam industri dan supaya pengwujudan sebuah masyarakat

Malaysia yang memandang jauh ke hadapan yang dapat menyokong dan menyumbangkan kepada pereka-ciptaan inovasi dan kemajuan teknologi akan dapat juga disediakan. Bagi maksud ini, pusat-pusat kecemerlangan akan diwujudkan sementara skilled accreditation, dengan izin, akan juga dikembangkan dan sebuah Lembaga Teknologi Maklumat Nasional akan ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua langkah-langkah ini adalah baik sekali, tetapi ada beberapa isu berkaitan dengan kemajuan sumber-sumber manusia yang saya ingin bangkitkan hari ini. Yang pertama ialah berkenaan dengan menggalakkan pelaburan yang lebih di bidang pendidikan tinggi oleh sektor swasta. Walaupun Kerajaan baru-baru ini telah mengambilgunakan suatu sikap yang liberal dengan membenarkan penubuhan institusi-institusi pendidikan tinggi yang lebih di sektor swasta, namun saya merasa Kementerian Kewangan harus menimbang untuk memberikan insentif-insentif atau galakan-galakan fiskal kepada mereka itu. Saya berharap Kerajaan dalam Belanjawan tahun 1995 dapat mempertimbangkan untuk memberikan status perintis untuk suatu jangkamasa tertentu dan seterusnya mengecualikan syarikat-syarikat yang ingin menceburkan diri dalam pendidikan tinggi di sektor swasta daripada pembayaran cukai pendapatan. Ini seterusnya akan merangsangkan suatu pengaliran sumber-sumber kewangan dan manusia yang lebih kepada bidang pendidikan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan dalam Belanjawan 1994 untuk memotong perbelanjaan ke atas perbelanjaan di seberang laut untuk kanak-kanak yang dapat dipotong daripada pendapatan untuk mendapatkan pendapatan yang dikenakan cukai. Langkah ini mungkin diambil supaya menggalakkan lebih raraai daripada pelajar-pelajar belajar di institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan dan dengan cara yang begini, negara kita dapat menjimatkan pertukaran wang asing.

Walaupun matlamat ini adalah baik, saya kurang pasti bahawa langkah ini adalah kena pada masanya. Pada mulanya, keupayaan penawaran yang dibekalkan oleh institusi-institusi pendidikan tinggi di kedua-dua sektor awam dan swasta masih belum mencukupi untuk memuaskan permintaan. Justeru itu, ramai di antara ibu bapa masih dipaksa menghantar anak-anak mereka ke institusi-institusi pendidikan tinggi di seberang laut dan dalam proses ini mereka perlu menanggung kos yang tinggi.

Perbelanjaan-perbelanjaan seperti ini pada hemat saya harus boleh dipotong daripada pendapatan mereka untuk mendapatkan pendapatan kena cukai kerana ibu bapa-ibu bapa ini adalah juga menyumbangkan kepada program membangunkan sumber-sumber manusia negara ini. Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan mempertimbangkan semula langkahnya hendak memotong perbelanjaan ke atas pendidikan di seberang laut bagi maksud pemotongan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada unsur penting dalam memajukan sumber-sumber manusia negara ini ialah memperkembangkan lagi kegunaan produktif keupayaan penawaran yang terdapat di institusi-institusi pendidikan tinggi di Malaysia, khususnya yang terdapat di sektor awam. Di sini saya ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya mengkaji kemungkinan menggalakkan kesemua universiti-universiti dan politeknik-politeknik yang terdapat di sektor awam menjalankan kelas-kelas di waktu malam untuk mereka yang ingin meneruskan pendidikan mereka, atau dengan izin, for those adults who wish to embark upon continuing education. Lebih-lebih lagi, Jabatan-jabatan Teknik dan Kejuruteraan di kesemua institusi-institusi ini harus digalakkan menjalankan kursus-kursus Sijil dan Diploma secara sambilan untuk para pekerja yang sedang bekerja di industri. Jabatan-jabatan, bersama-sama dengan industri bolehlah merekabentuk kurikulum yang selaras untuk keperluan industri.

Memang pensyarah-pensyarah yang diambil untuk menyampaikan kuliah dan tutorial pada masa itu harus dibayar lebih, sementara firma-firma di sektor swasta harus digalakkan untuk membiayai pengajian para pekerja mereka di kelas-kelas waktu malam ini. Secara alternatif firma-firma ini boleh memohon untuk mendapatkan pembiayaan daripada Kumpulan wang Pembangunan Sumber-sumber Manusia yang telah pun ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menggunakan secara penuh keupayaan yang sedia ada di institusi-institusi

pendidikan tinggi di sektor awam, maka out-put para pekerja yang lebih berkemahiran akan dapat dicapai tanpa perlunya pelaburan yang lebih di institusi-institusi baru dan memang langkah ini telah pun diamatkan dikebanyakan negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi unsur yang penting yang dapat membawa kepada suatu program pembangunan sumber-sumber manusia yang berjaya ialah memastikan bahawa mereka yang menyampaikan pengetahuan dan kemahiran di kesemua institusi pendidikan tinggi dan latihan sering mendapatkan maklumat yang terbaru dan kemaskini dalam bidang-bidang mereka. Melalui latihan yang dilakukan di dalam institusi-institusi ini, termasuklah kursus-kursus yang dijalankan semasa cuti dan cuti sabatikal. Kesemua langkah-langkah ini adalah penting untuk memastikan hal ini. Tetapi selain daripada kesemua ini, membaca buku dan jurnal-jurnal adalah juga penting. Tetapi kita dapati bahawa bahan-bahan bacaan semakin lama semakin lebih mahal sehingga tabiat membeli dan membaca buku yang mahal ini makin berkurangan.

Di sini saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan mempertimbangkan dengan seriusnya membenarkan pensyarah-pensyarah di universiti dan politeknik yang mengeluarkan perbelanjaan untuk pembelian buku-buku dan bahan-bahan bacaan dipotong daripada pendapatan mereka untuk maksud mengira pendapatan kena cukai. Ini akan mengurangkan beban kewangan mereka dan dengan yang demikian kita berharap bahawa pensyarah-pensyarah

di universiti akan dapat membeli buku yang merupakan suatu amalan yang begitu penting untuk mengemaskinkan pengetahuan.

Tuan yang di-Pertua, satu isu lagi yang penting dalam memperkayakan stok sumber-sumber manusia negara kita dan juga mempertingkatkan keupayaan teknologi negara kita ialah isu R&D ataupun penyelidikan dan pembangunan. Usaha teknologi sesebuah negara sering kali diukur dengan peratus KDNK yang ditampung oleh perbelanjaan ke atas R&D. Ini merupakan suatu ukuran yang kasar yang harus ditapiskan lagi. Tapisan-tapisan ini termasuk bahagian R&D yang ditumpukan kepada perkilangan dan juga peratus R&D yang dibiayai oleh sektor swasta. Lebih tinggi lagi peratus perbelanjaan R&D yang diperuntukkan untuk perkilangan dan pembiayaan dari sektor swasta, maka lebih produktif dan lebih tinggi lagilah sumbangan R&D ini kepada pertumbuhan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Teknologi Malaysia buat masa ini seperti yang diukur oleh peratus daripada KDNK yang ditampung oleh perbelanjaan R&D masih kecil apabila dibandingkan dengan negara-negara perindustrian baru. Di Malaysia R&D bagi tahun 1989 dianggarkan pada 0.8% daripada KNK dibandingkan dengan hampir 2% untuk Republik Korea. Usaha R&D Malaysia yang kecil ini disahkan lagi oleh peranan kecil yang dimainkan oleh sektor swasta dalam usaha-usaha ini. Dalam tahun 1989, bahagian daripada usaha R&D Malaysia yang dibiayai oleh sektor swasta ialah hanya 20% dengan

baki 80% dibiayai oleh sektor awam. Ini adalah sebaliknya berbanding dengan situasi yang terdapat di Republik Korea di mana 80% daripada pembiayaan R&D datang daripada sektor swasta dengan baki 20% dibiayai oleh sektor awam. Walaupun pembiayaan sektor awam bagi R&D adalah besar di Malaysia, tetapi peratus daripada jumlah kakitangan saintifik yang terlibat dalam R&D ini masih rendah.

Mengikut Rancangan Malaysia Keenam, pada tahun 1989, kira-kira 56.5% daripada kakitangan yang terlibat dalam penyelidikan sektor awam tidak merupakan siswazah universiti. Ini adalah berbanding dengan situasi di Republik Korea di mana pada tahun 1980, hanya 3% sahaja daripada kakitangan penyelidikannya tidak memiliki ijazah pertama. Tambahan lagi kaitan atau hubungan antara universiti-universiti dan industri swasta yang begitu penting untuk memajukan usaha teknologi di perkilangan adalah juga lemah di Malaysia.

Usaha R&D di Malaysia yang kecil dapat juga kita ukur dengan melihat apa yang disebut sebagai intensiti saintifik usaha R&Dnya. Intensiti saintifik R&Dnya dapat diukur dengan bilangan para saintis dan jurutera bagi setiap juta penduduk. Dalam tahun yang sama iaitu 1989, stok saintis dan jurutera yang melibatkan diri dalam R&D adalah hanya 5,537 orang. Ini bersamaan dengan 326 ahli sains dan jurutera bagi setiap juta penduduk atau hanya lebih daripada satu perempat daripada apa yang terdapat di Korea Selatan dan lebih daripada satu perlima

apa yang terdapat di Taiwan pada tahun 1986. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, usaha R&D Malaysia adalah lemah apabila dipandang dari segi peratus daripada KNK, keberkesanan dan intensiti saintifik apabila dibandingkan dengan negara-negara perindustrian baru di Asia.

Tuan Yang di-Pertua, usaha teknologi Malaysia yang lebih lemah mungkin adalah akibat daripada kekurangan kakitangan saintifik, atau adanya syarikat-syarikat multi-national yang begitu besar yang sebahagian besar di antara mereka menjalankan R&D di ibu pejabat dan risiko R&D yang begitu besar dan justeru itu, usaha R&D ini tidak sedia dilakukan oleh firma-firma tempatan.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu bagi Kerajaan memajukan lagi usaha teknologi jika Malaysia ingin menjalankan pengubahsuaian teknologi yang diimport dari luar dengan cekap. Jika usaha teknologi ini dapat dipertingkatkan lagi, selain daripada dapat mengubahsuaikan teknologi yang diimport, Malaysia juga dapat menutup lompong teknologi yang wujud antara negara ini dengan batasan teknologi.

Dalam hal ini saya rasa amat gembira mendapati bahawa terdapat peruntukan dalam Belanjawan tahun ini bagi merangsangkan usaha R&D yang lebih di kalangan firma-firma di sektor swasta. Tetapi selain daripada galakan fiskal ini, beberapa langkah tambahan lagi harus diambilgunakan untuk menggalakkan usaha R&D yang lebih. Salah satu daripada langkah ini ialah penubuhan suatu agensi yang dapat memainkan peranan sebagai

syarikat perantara antara industri swasta dan institut-institut penyelidikan awam seperti SIRIM dan universiti-universiti. Agensi ini dapat mewujudkan hubungan antara sektor awam dan swasta yang begitu penting untuk memastikan bahawa orientasi kerja penyelidikan yang dijalankan oleh institut-institut penyelidikan awam adalah selaras dengan keperluan sektor swasta.

Di bawah skim ini sektor swasta dapat memberikan pembiayaan untuk kerja penyelidikan sementara ahli-ahli sains di institut-institut penyelidikan awam pula dapat menjalankan penyelidikan. Dengan mengumpulkan sumber-sumber sedemikian rupa, Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan kakitangan saintifik yang dihadapi oleh sektor swasta dapat diatasi. Sementara itu, beban kewangan yang dihadapi oleh sektor awam dapat juga diringankan.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada kemajuan dalam usaha R&D di negara ini seperti yang disaksikan oleh bilangan anak-anak syarikat MMC yang telah pun diberikan tugas sebagai pusat rekabentuk atau reka cipta tetapi kita harus berusaha kuat dalam hal ini. Saya sedar bahawa usaha-usaha ini mengambil masa yang lama untuk mendapat hasil tetapi syarat-syarat asas yang sesuai untuk usaha-usaha teknologi ini harus disediakan sekarang juga. Salah satu daripada syarat asas yang penting ialah mewujudkan sebuah masyarakat saintifik secara besar-besaran di negara ini dan langkah pertama kepada kewujudan masyarakat ini mestilah dilakukan sejak sekolah-sekolah lagi. Dari kecil lagi

kanak-kanak sekolah kita mestilah ditanamkan dengan semangat reka cipta dan penyiasatan saintifik. Di sini pembelajaran sains dan matematik harus diberikan keutamaan di kurikulum sekolah dari awal lagi. Dalam hal ini, saya mengalu-alukan keputusan Kementerian Pendidikan memperkenalkan sains sebagai satu matapelajaran berasingan mulai daripada Darjah IV pada tahun hadapan.

Selain daripada itu, kita harus mengkaji semula isi kandungan sukatan pelajaran matematik di sepanjang sistem pendidikan di Malaysia ini. Salah satu daripada ciri sistem pendidikan di negara-negara perindustrian baru ialah keutamaan yang diberikan untuk matematik di mana tarafnya adalah ditentukan pada paras yang tinggi. Malaysia harus berbuat demikian juga iaitu mempertingkatkan lagi taraf matematik supaya, dengan izin, 'numerous skills' di kalangan kanak-kanak sekolah kita dapat dipertingkatkan. Hanya apabila sains dan matematik yang 'bermutu tinggi' diajar secara berleluasa di sekolah-sekolah dan kemudian diperkukuhkan lagi oleh latihan vokasional dan teknik yang lebih pada suatu masa kemudian, barulah keupayaan penyerapan generasi Malaysia untuk teknologi yang canggih akan dapat dimajukan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk memajukan ekonomi negara, kita telah bergantung terutamanya ke atas mekanisma pasaran untuk menjanakan kekayaan. Walaupun kita telah berjaya dalam hal ini tetapi kita tidak harus melupakan akan hakikat bahawa pasaran sering

kali gagal. Salah satu daripada kegagalan pasaran adalah dimanifestasikan dalam hakikat bahawa ramai di antara penduduk Malaysia sering dinafikan 'access' kepada beberapa barang-barang asas. Sebagai sebuah Kerajaan yang penyayang, ianya mestilah menyediakan jaring keselamatan sosial, dengan izin, 'social safety net' bagi menangkap mereka yang telah gagal menggunakan peluang-peluang yang telah pun dijanakan oleh pasaran. Salah satu daripada jaring keselamatan sosial ini ialah penawaran perumahan kos rendah secara besar-besaran untuk kumpulan yang berpendapatan rendah, khususnya di kawasan-kawasan bandar.

Saya merasa amat kecewa, Tuan Yang di-Pertua, bahawa walaupun kita telah mencapai prestasi ekonomi yang begitu cemerlang dalam beberapa tahun kebelakangan ini tetapi kita telah gagal membina bilangan rumah yang mencukupi untuk memenuhi permintaan rumah-rumah kos rendah bagi orang-orang miskin di kawasan-kawasan bandar. Kita telah gagal mencapai sasaran yang ditetapkan untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah sepanjang beberapa tempoh perancangan. Dalam konteks ini, saya mengalu-alukan peruntukan RM1.4 bilion bagi pembinaan rumah kos rendah dalam Belanjawan 1994. Dengan adanya peruntukan yang begitu besar, sekurang-kurangnya tekanan fizikal telah pun diatasi.

Saya sedar ada tekanan-tekanan yang lain di atas jalan ke arah mencapai demokrasi memiliki rumah secara penuh. Tetapi apa jua tekanan itu pun, kita harus mengenalpastikan dan

kemudian mengatasi tekanan-tekanan ini. Dengan adanya keazaman dan koraitmen politik dan sumber-sumber kewangan yang ada sekarang, saya pasti bahawa kita akan berjaya dalam pembinaan perumahan kos rendah untuk memuaskan permintaan untuk kumpulan-kumpulan yang berpendapatan rendah. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Shuib bin Endut.

5.35 *ptg.*

Tuan Shuib bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1994. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan di bawah usaha dan kepimpinannya yang progresif dan dinamik. Ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 8.3% pada tahun 1993 dan merupakan antara pertumbuhan ekonomi yang tertinggi di dunia. Dalam keadaan ini di mana ekonomi dunia hanya berkembang pada tahap 3% sahaja, maka Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang merangsangkan sepanjang tempoh 5 tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sejarah negara kita, Malaysia telah berjaya menyediakan Belanjawan berimbang dan Belanjawan seperti ini amat sukar dicapai oleh mana-mana negara maju di dunia. Saya mengucapkan syabas

kepada beliau dan melalui pencapaian yang memerangsangkan itu, rezab simpanan luar negara telah meningkat kepada US\$57,000 milion. Saya juga tertarik tentang komitmen kerajaan untuk meningkatkan pendapatan per kapita rakyat di negara ini dari RM8,350 pada tahun 1993 kepada RM9,130 untuk dicapai pada tahun 1994. Tetapi apa yang ingin saya sarankan di sini ialah sejauh manakah angka tunjuk pendapatan per kapita itu benar-benar mencerminkan pendapatan sebenarnya setiap orang rakyat di Malaysia, terutamanya kaum bumiputera. Ini kerana hampir 114,000 keluarga yang termiskin di Malaysia, 90% daripadanya terdiri daripada orang-orang Melayu. Kalaulah angka tunjuk peratusan ini diambil kira, nampaknya orang Melayu hanya makan tulang. Masalah ini kalau tidak diatasi dengan segera, matlamat kita untuk melahirkan masyarakat yang adil dan saksama menikmati kemakmuran negara ini tidak akan tercapai. Sekali gus ianya akan mejnbantutkan hasrat murni Wawasan 2020, Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan kepada Kerajaan agak terus melipatgandakan usaha untuk membasmikan kemiskinan di kalangan masyarakat bumiputera. Kita mahu biarlah Belanjawan berimbang ini turut dinikmati sepenuhnya oleh rakyat termiskin, terutamanya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang penubuhan Tabung Perumahan Kos Rendah yang mendapat peruntukan sebanyak RM300 juta. Saya menyokong penuh penubuhan tabung ini. Tetapi saya ingin tegaskan di sini agar Kerajaan memberi perhatian supaya wang

tersebut benar-benar disalurkan untuk membantu dan mempercepatkan program perumahan kos rendah yang dirancang. Ini kerana rekod-rekod yang ada menunjukkan projek perumahan yang terbengkalai adalah disebabkan oleh gabungan modal kontraktor yang tidak mencukupi dan pengurusan yang tidak cekap.

Oleh yang demikian, saya cadangkan supaya peraberi tender hendaklah diberi kepada syarikat-syarikat yang berkemampuan dan mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Dalam erti kata lain, biarlah kewujudan tabung ini benar-benar memberi manfaat kepada kontraktor bumiputera.

Bagi memenuhi keperluan permintaan perumahan kos rendah yang semakin bertambah dalam Belanjawan 1994, Kerajaan telah memperuntukkan hampir RM1,404 bilion. Untuk mengatasi masalah tersebut, saya berharap dengan peruntukan yang sebegitu besar, kontraktor-kontraktor bumiputera perlu diberi peluang mengambil bahagian secara aktif dan Kerajaan harus mengagih-agihkan tender tersebut kepada kontraktor kecil bumiputera yang mampu membina projek perumahan. Dengan cara ini sahajalah maka Kerajaan dapat membantu kontraktor bumiputera untuk terus maju dan dapat bersaing dengan kontraktor-kontraktor lain yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pendidikan, iaitu sejumlah RM7,715 bilion dan ini

merupakan peruntukan yang terbesar sekali. Peruntukan tersebut amat jelas kepada kita bahawa Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sentiasa memberi perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap pendidikan negara yang menjadi aset penting kepada pembangunan dan kemajuan negara Malaysia di masa depan. Dengan peruntukan tersebut, saya ingin menyeru Kerajaan agar terus memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah di luar bandar dengan mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti perpustakaan, buku-buku bacaan, bilik darjah yang selesa, makmal sains dan padang permainan. Ini kerana masih ada terdapat sekolah-sekolah kebangsaan di luar bandar yang berada dalam keadaan yang menyedihkan. Setelah infrastruktur ditingkatkan, maka kualiti guru juga harus ditingkatkan. Mereka perlu diberi peluang melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dan juga dibawa ke luar negeri atau negara, terutama guru-guru di luar bandar. Begitu juga dengan pensyarah-pensyarah di pusat pengajian tinggi, keilmuan mereka perlu dipertingkatkan. Apabila ini sudah tercapai, maka usaha Kerajaan untuk menjadikan industri pendidikan di negara ini akan sampai ke matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Kerajaan juga patut menekankan kepada bidang disiplin yang baru, terutama sekali berkaitan dengan pendidikan Islam, disiplin ilmu seperti Tauhid, Feqah, Tafsir Al-Quran dan Usuluddin, perlu diperkerabangkan sejajar dengan tuntutan Islam.

Apabila kedua jiwa, yakni jasad dan rohani berada dalam keadaan yang seimbang, maka hasrat Kerajaan untuk melahirkan generasi yang berilmu dan insan yang kamil akan tercapai.

Saya amat bersetuju dengan saranan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa martabat bahasa Melayu dapat dipertingkatkan hanyalah dengan cara mempertingkatkan maruah bangsa itu sendiri, yakni kita harus menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa yang maju. Dengan ini, semua orang akan menghormati dan sanggup pula menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi, bukan itu sahaja, malah bahasa ilmu. Bagi memulakannya, maka saya ingin menyeru agar Kerajaan mengambil tindakan yang tegas menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama di Kolej Tunku Abdul Rahman. Ini kerana dalam Belanjawan kali ini Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk membantu kolej tersebut, Selain daripada itu, Kolej Tunku Abdul Rahman juga perlu membuka peluang kepada pelajar-pelajar Melayu ataupun bumiputera yang lain agar dengan sikap keterbukaan ini akan mempercepatkan lagi perpaduan kaum sepertimana yang menjadi appirasi negara. Universiti yang bersifat perkauman harus dihapuskan, ianya lebih bercorak kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan ini Kementerian Pertahanan mendapat peruntukan hampir RM3,156 bilion. Saya menyokong peruntukan ini memandangkan selain daripada

tumpuan di bidang ekonomi, kita tidak boleh alpa bahawa kekuatan tentera amat penting dalam menjamin kestabilan dan keselamatan negara kita. Walaupun perang dingin sudah tamat, namun dengan kemakmuran yang dialami oleh kawasan rantau Pasifik Timur, termasuklah negara kita, maka kemungkinan kawasan ini menjadi perebutan kuasa memang tidak boleh dipertikaikan. Perebutan kawasan-kawasan strategik seperti kepulauan Spratly dan pembesaran Angkatan Tentera negara jiran sedikit-sebanyak memberi kesan kepada keselamatan negara kita. Oleh yang demikian, amatlah wajar Kerajaan membeli kapal terbang, kapal perang dan peralatan perang yang canggih bagi memperkuatkan Angkatan Tentera kita sejajar dengan perkembangan semasa. Ini bukan bererti kita akan mengancam negara lain, tetapi ianya bertujuan menjamin keselamatan negara Malaysia.

Selain daripada itu, Kementerian Pertahanan juga perlu memberi tumpuan untuk memajukan sumber tenaga manusia yang terdapat di dalam Angkatan Tentera kita. Tiada gunanya kita mempunyai peralatan perang yang canggih, sedangkan tidak mempunyai kepakaran untuk mengendalikannya. Kerajaan juga telah memberi perhatian terhadap kebajikan anggota tentera melalui penyediaan tempat kediaman, tetapi apa yang harus difikirkan ialah kebajikan mereka selepas bersara. Peluang-peluang mewujudkan usahawan baru kepada mereka perlu dirancang dengan berkesan.

Saya juga ingin menyentuh mengenai peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian Pertanian dan

Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya mencadangkan agar Kementerian Pertanian melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya supaya mengambil pendekatan baru bagaimana dapat mempercepatkan usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar, khasnya masyarakat petani dan nelayan. Kita tidak mahu apabila negara telah maju di abad ke-21 tetapi masih terdapat masyarakat luar bandar dibaluti dengan kemiskinan.

Di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), Kerajaan telah menggariskan supaya industri hiliran diwujudkan bagi meningkatkan pendapatan dan produktiviti hasil-hasil keluaran pertanian di kawasan luar bandar. Namun, apa yang diperhatikan nampaknya perkembangan ataupun kewujudan industri hiliran ini masih lembab. Hasrat Kerajaan untuk menjadikan hasil keluaran pertanian sebagai 'feeder' kepada industri lain masih jauh. Sebagai contoh, saya ambil di sektor perikanan. Kewujudan industri hiliran untuk memproses keluaran sektor ini amat kecil. Ini menyebabkan pendapatan nelayan dalam sektor perikanan pantai turut kecil, sedangkan sektor perikanan pantai menyumbangkan hampir 85% daripada pendapatan ikan di negara kita. Jadi kalau hasilnya dijadikan sebagai pelbagai produk, sudah tentu ianya dapat memberi pulangan yang besar kepada petani/nelayan pantai.

Sepatutnya, dalam usaha Kementerian Pertanian meningkatkan pendapatan nelayan pantai ke tahap maksimum, bukanlah dengan cara mengurangkan bilangan mereka sahaja, sebaliknya, usaha mempercepatkan penggandaan industri hiliran perlu disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, di zaman negara kita memasuki era negara maju, sebenarnya, usaha menyediakan semua kemudahan infrastruktur kepada rakyat bukan lagi menjadi teori. Ini adalah kerana, kemajuan yang melanda masyarakat kita telah mengubah cara berfikir dan cara bertindak. Kemudahan asas seperti api, air dan jalan bukan lagi keperluan asas mereka. Tetapi apa yang difikirkan ialah bagaimana mereka mengejar peluang untuk hidup dengan lebih bermakna.

Oleh yang demikian, melalui pendapatan yang tinggi, saya mengesyorkan supaya Kerajaan lebih menekankan kepada mewujudkan peluang-peluang berniaga dan industri baru kepada masyarakat luar bandar. Dengan ini, akan dapat melahirkan lebih ramai masyarakat pedagang ataupun pengusaha di kalangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan masalah yang kini dihadapi oleh penduduk tempatan di Langkawi. Sepatut Kerajaan memberi peluang yang lebih banyak kepada mereka untuk menceburi bidang perniagaan seperti kemudahan kredit dan permit perniagaan. Janganlah kita berbangga bahawa kemajuan yang telah melanda Langkawi menyebabkan sudah ramai orang Langkawi yang menjadi jutawan. Ini adalah pandangan yang silap. Mereka yang menjadi jutawaan kena menjual tanah dan bukan meraih kemewahan kerana berniaga. Oleh yang demikian, saya syorkan di sini supaya sebuah tabung diwujudkan bagi membangunkan masyarakat peniaga bumiputera di Langkawi.

Dengan ini, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1994. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Munisamy.

5.52 ptg.

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Belanjawan tahun 1994 yang dibentangkan dalam Parlimen baru-baru ini, mahu pun pada hari ini di Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu biarlah saya raengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kita yang telah membentangkan satu Belanjawan yang seimbang. Pada pendapat beberapa orang kenamaan di Malaysia, termasuk saya sendiri, Belanjawan ini adalah yang mengambilkira kehendak-kehendak golongan miskin mahu pun yang kaya. Ada juga pihak yang mengatakan bahawa Belanjawan tahun ini merupakan Belanjawan yang terbaik dalam jangka masa 30 tahun yang lalu. Pada asasnya, Belanjawan ini memberi galakan yang kuat kepada pihak pelabur dan peniaga di dalam Malaysia. Tidaklah boleh diragukan lagi bahawa Belanjawan ini akan memberi galakan yang terbesar dalam usaha Malaysia untuk menjadi negara membangun dalam tahun 2020 nanti.

Belanjawan ini mempunyai beberapa aspek baru dan yang ternyata ialah bonus yang ditawarkan kepada kakitangan Kerajaan. Saya sendiri sedar bahawa aspek ini telah pun

menerima sambutan yang hangat daripada sektor awam Malaysia. Pendek kata, Belanjawan tahun 1994 ini telah mengambilkira kehendak pihak swasta, golongan miskin, golongan kaya, pelabur tempatan dan pelabur luar negeri.

Apa yang menghairankan seluruh dunia ialah perkembangan ekonomi Malaysia. Semenjak beberapa negara Barat yang membangun sedang mengalami kemelesetan ekonomi, Malaysia yang merupakan negara sedang membangun pula mengalami pertumbuhan ekonomi yang kuat, pesat dan mantap. Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) telah berkembang dengan kadar 3.2% dalam pertengahan tahun 1993, manakala beberapa negara membangun hanya dapat merekodkan perkembangan sebanyak 3% atau kurang daripadanya. Beberapa negara Barat pula sedang mengalami masalah pengangguran yang serius. Kadar pengangguran di Malaysia pula ialah cuma 3.5% dalam separuh tahun pertama 1993 ini.

Ini adalah satu keadaan, dengan izin, the near full employment. Inilah kali yang pertama Malaysia telah merekodkan prestasi cemerlang dalam sejarahnya. Keadaan ini berlaku antara lain disebabkan oleh pemimpin-pemimpin kita yang matang, berpandangan jauh dan yang mengutamakan kebahagiaan rakyat jelata. Di sini biarlah saya merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, merangkap juga Menteri Kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Maksud B.14. Kini setiap bandar sedang berkembang. Namun kampung-kampung tersusun di sekeliling bandar, dalam kawasan bandar itu terbiar. Mereka masih tinggal di kawasan seperti ini tanpa sebarang kemudahan asas yang teralur. Tambahan pula, anak-anak mereka menghadapi pelbagai masalah untuk ke sekolah tanpa jalan yang teratur, bekalan elektrik serta sistem perparitan yang baik.

Oleh yang demikian, saya ingin meminta Majlis Perbandaran atau Majlis Bandaraya untuk memberi perhatian yang serius ke atas masalah ini. Saya berharap pada masa akan datang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membantu kedua-dua Majlis ini dalam menyelesaikan masalah seperti ini.

Selain daripada itu, masyarakat kita juga menghadapi masalah kesesakan lalu lintas yang teruk terutama sekali di bandar-bandar utara. Oleh yang demikian, saya ingin memberi cadangan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya raenkaji dahulu dengan teliti semua projek perumahan seperti pembinaan taman-taman baru sebelum memberi kelulusan untuk membinanya. Ini adalah kerana setiap projek perumahan diberi kelulusan tanpa dibuat kajian berkenaan dengan data-data tentang jumlah penduduk dalam sesuatu kawasan dan jumlah kenderaan yang akan menggunakan jalan utama kawasan itu setiap hari. Apabila langkah-langkah seperti ini tidak diambilkira, lama-kelamaan wujudlah masalah kesesakan lalu-lintas apabila

lebih banyak kenderaan mula menggunakan jalan yang sempit. Tambahan pula, perancangan bandar tidak dibuat dengan sempurna kerana lebih banyak kawasan peruraahan seperti kampung-kampung tersusun tidak dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang selaras dengan perkembangan penduduk. Contohnya, Kampung Tersusun Buntung di kawasan Dewan Bandaraya Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, runtuhannya kondominium Highland Towers di Ulu Kelang baru-baru ini telah menarik perhatian masyarakat antarabangsa khususnya sebab beberapa orang yang telah menjadi mangsa terdiri daripada orang-orang asing. Peristiwa yang pahit ini telah memberi pengajaran yang kuat kepada pembentuk-pembentuk polisi dalam dua bidang iaitu, yang pertama, pihak pemaju perumahan dan yang kedua ialah pihak pengawal alam sekitar.

Pihak pemaju perumahan mestilah menentukan bahawa segala peraturan dan kehendak pembinaan dipatuhi dengan sepenuhnya dalam usaha pembinaan. Ini bukanlah kali pertama bangunan runtuh, sebaliknya beberapa kes runtuhannya telah berlaku dalam tahun ini. Semuanya adalah kerana kelemahan dalam pembinaan. Contohnya, ada sebuah sekolah di Bandar Baru Salak Tinggi di Sepang dan sebuah lagi di bandar Ipoh iaitu Sekolah Convent.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang harus disalahkan, pihak pemajukah atau pihak juruterakah, pihak pembinaankah, pihak kontraktorkah ataupun pihak yang mengeluarkan sijil?

Sejak beberapa tahun yang lalu pembinaan rumah jenis kondominium di kawasan-kawasan bukit telah menjadi satu fesyen, dan saya tidak tahu sama ada bangunan-bangunan yang dibina itu cukup selamat atau tidak. Saya berharap kes runtuhnya kondominium Highland Towers di Hulu Kelang itu bukanlah 'a tip of the iceberg', dengan izin. Peristiwa-peristiwa seperti ini akan mencemarkan nama baik negara kita Malaysia, di kacamata dunia. Oleh yang demikian, saya merayu kepada pihak-pihak yang terbabit iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Majlis Perbandaran dan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya memperketatkan lagi peraturan-peraturan agar membina bangunan itu mematuhi segala kehendak pembinaan.

Saya berharap industri pembinaan di Malaysia tidak akan dijadikan satu peluang untuk mencari wang dengan senang dan cepat, tetapi yang penting ialah jaminan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh peranan penting yang boleh dimainkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam mewujudkan alam sekitar yang bersih dan segar.

Malaysia sedang bergerak maju ke arah Wawasan 2020, di mana negara kita dijangka mencapai taraf negara yang penuh membangun. Dalam usaha ini negara kita sedang mengalami beberapa aspek pembangunan yang mempengaruhi permukaan bumi, beberapa ribu ekar tanah diterokai untuk pembangunan. Oleh itu, kawasan-kawasan yang dahulunya hijau kini sudah menjadi merah.

Penebangan pokok dan penerokaan tanah pula berleluasa, ini telah menyebabkan perubahan terhadap keadaan cuaca kita yang tidak boleh diramalkan lagi. Musim hujan pernah diramalkan dengan tepat pada masa lampau, tetapi bukan lagi sekarang.

Saya bersetuju bahawa penerokaan tanah tidak boleh dielakkan dalam usaha pembangunan sesebuah negara. Tetapi memandangkan kepada akibat buruk kesan dari usaha ini barangkali Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar boleh mengadakan satu kempen secara besar-besaran untuk mengekalkan kehijauan alam sekitar. Rakyat kita bolehlah digalakkan supaya menanam pokok-pokok hijau di kawasan perumahan, tetapi saya mendapati bahawa fesyen sekarang ialah menghiaskan dengan pokok-pokok bunga yang diperbuat daripada elastik. Ini hanya akan membawa kecantikan sahaja bukanlah alam sekitar yang bersih.

Negara Singapura dipuji sebagai 'The Garden City' sebab ianya dipenuhi dengan pokok-pokok asal. Jadi, di sini saya mencadangkan bahawa dalam usaha pembangunan, kita perlu juga menitikberatkan kehijauan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membaca dalam suratkhbar tempatan bahawa ada sesetengah sungai-sungai kita telah menjadi kotor mengakibatkan hasil tangkapan seperti ikan, udang dan ketam tidak seperti pada masa dahulu yang mana saiz dan berat hasil tangkapan telah jatuh dan ianya tidak selamat dan bersih lagi. Tambahan pula beberapa jenis ikan

didapati sedang menjadi pupus, begitu juga beberapa jenis haiwan di tanah. Saya ingin tahu apakah yang dibuat oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ataupun Kementerian Pertanian untuk menentukan bahawa sumber makanan kita itu dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali kita perlu mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana kedua-dua buah Kementerian ini telah menguatkuasakan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Munisamy Kementerian apa itu?

Tuan K. Munisamy: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, menguatkuasakan undang-undang untuk mempamerkan harga barang-barang yang dijual. Barangkali langkah ini tidak dialu-alukan oleh pihak peniaga, tetapi pihak pengguna telah menyatakan sokongan terhadap Kementerian. Menerusi operasi-operasi seperti inilah Kerajaan kita berjaya memenangi hati rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Belanjawan 1994, wang sejumlah RMSS9,329,2GO telah dipeuntukkan bagi sektor Pertanian.

Saya ingin mencadangkan Kementerian Pertanian menggalakkan lebih ramai pekebun dan pengusaha tanaman, menanam atau menghasilkan

lebih banyak buah-buahan, sayur-sayuran serta bahan makanan bagi menampung keperluan serta permintaan tempatan.

Saya difahamkan bahawa para pengusaha menghadapi masalah kekurangan kemudahan, menyebabkan hasil-hasil keluaran mereka tidak tahan lama. Mereka memerlukan lebih banyak kemudahan kargo pendingin, dengan izin, 'air-cond. Air cargo facilities'. Dalam proses pengangkutan agar hasil tanaman tidak cepat rosak dan bagi mengelakkan kerugian yang besar. Dalam hal ini FAMA perlu memainkan peranan penting bagi membantu menyelesaikan masalah kekurangan kemudahan kargo berhawa dingin.

Kementerian Pertanian juga perlu menggalakkan para pengusaha supaya menghasilkan lebih banyak makanan ternakan, memandangkan masih terdapat banyak kawasan tanah terbiar seperti kawasan bekas lombong di Negeri Perak. Kerajaan perlu menggalakkan syarikat-syarikat swasta menebusguna tanah-tanah tersebut dan mengusahakannya. Kerajaan dapat menggalakkan sektor swasta melaksanakannya dengan cara menawarkan tanah-tanah tersebut dengan harga yang berpatutan. Dengan ini Kerajaan bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pengeluaran tanaman, malah kadar import juga dapat dikurangkan atau diminimumkan. Di samping itu Kerajaan atau Kementerian Pertanian juga perlu membantu para pekebun serta pengusaha menggunakan pelbagai kaedah, teknik serta cara-cara menghasilkan tanaman dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan Kementerian Kesihatan. Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan kita khususnya, Kementerian.....

Timbalan Yang di-Pertua:
Kementerian Kesihatan?

Tuan K. Munisamy: Ya. Rakyat Malaysia kini dalam keadaan bimbang kerana penyakit AIDS yang sedang menyerang hampir sebahagian rakyat jelata kita.

Kerajaan kita sedang mengambil beberapa usaha untuk mengawal penyakit. Salah satu usaha mencegah ialah menerusi memberi pendidikan kepada rakyat jelata kita. Tetapi apa yang menyedihkan kita ialah keadaan sebenar sedang bertambah buruk. Kita semua sedar bahawa penyakit AIDS ini disebabkan oleh hubungan seks dan perkongsian jarum terutamanya oleh penagih dadah. Apa yang menyedihkan ialah pihak yang tidak bersalah pula menjadi mangsa. Dalam beberapa kes pemuda yang mempunyai kuman HIV dalam aliran darahnya pula berkahwin dengan gadis yang sihat. Dengan itu isteri dan anak-anak yang lahir pula menjadi mangsa.

Saya sendiri lahu satu kes di mana seorang pemuda yang dijangkiti penyakit ini dinasihati supaya jangan berkahwin, namun beliau berkahwin juga. Akibatnya beberapa orang yang sihat akan menjadi mangsa menerusi perkahwinan seumpama ini. Dalam kes seperti ini, saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu amalan baik di negara Germany di

mana seorang pemuda yang ingin berkahwin mesti membuktikan dengan sijil perubatan bahawa dia tidak mempunyai sebarang Veneral Disease, dengan izin. Ini bukanlah satu amalan yang mengecam hak asasi, sebaliknya semua ini menjamin bahawa generasi akan datang kelak sihat. Barangkali Kerajaan kita bolehlah memperkenalkan sistem ini jika difikirkan patut dan perlu untuk faedah pemuda dan pemudi kita serta generasi muda. Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Munisamy, tadi tuan beri contoh seorang yang Tuan Munisamy kenal mengidap AIDS sudah kahwin. Macam mana keadaan dia sekarang?

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menghadiri satu kursus atau seminar di Taiping, saya diberitahu oleh Penguasa Perubatan di tempat itu, dia ada memberi beberapa nasihat kepada seorang gadis, "Jangan kahwin dengan lelaki yang mengidap HIV". Walaupun diberi nasihat, tetapi pemuda dan pemudi itu mahu kahwin juga! Akibatnya nanti bila dia melahirkan anak, anak mereka juga akan jadi mangsa.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang anak belum lahir lagi?

Tuan K. Munisamy: Saya belum tahu lagi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Pendidikan. Walaupun peruntukan sebanyak RM7,686,055,000 diberikan kepada bidang Pendidikan, saya rasa jumlah yang dibelanjakan untuk sekolah-sekolah Tamil bantuan penuh

Kerajaan, iaitu bantuan modal, adalah tidak begitu memuaskan. Sebagai contoh, dua buah sekolah Tamil di kawasan Batu Gajah, Perak tidak diberi bantuan untuk mendirikan sebuah bangunan sekolah yang lengkap dengan kemudahan asas serta fizikal bagi mewujudkan suasana yang lebih baik dan selesa dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah sekolah lagi iaitu di Taman Changkat, Batu Gajah adalah sekolah yang terlama di Negeri Perak. Ianya adalah sebuah sekolah jenis bantuan penuh. Apa yang mengecewakan ialah sekolah Gred B ini tidak mempunyai sebarang padang permainan langsung dan bangunannya sendiri pula diperbuat daripada kayu. Sekolah ini terletak di sebuah lembah dan oleh itu ia sering dibanjiri. Persatuan Ibu Bapa sekolah itu telah mengadu kepada saya mengenai keadaan serius ini dan saya sendiri mempunyai kepentingan di dalam kebajikan sekolah ini sebab saya adalah Ketua MIC kawasan Batu Gajah di kawasan mana sekolah itu terletak. Kebajikan sekolah ini telah menjadi soal maruah saya sendiri sebagai Ketua Bahagian MIC mahu pun menjadi Senator di bahagian itu. Saya merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya memberi keutamaan dalam menjelaskan isu semasa ini dengan menjadikan satu jalan keluar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, negara kita sedang membangun dan bertambah maju dengan pesatnya. Kemajuan telah memberi lebih perhatian terhadap sektor perindustrian. Dengan ini

pembangunan di kawasan bandar dan luar bandar juga semakin meningkat tetapi kebanyakan pembangunan ini dibuat pada satu lokasi atau satu kawasan tertentu sahaja dalam setiap negeri. Pembangunan yang wujud ini tidak menyeluruh atau seimbang. Keadaan ini menyebabkan kebanyakan penduduk di kawasan yang membangun lebih cenderung untuk berhijrah ke kawasan yang membangun dengan pesat terutamanya kawasan perindustrian. Penduduk di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan ladang-ladang bertumpu ke kawasan pembangunan dan bandar. Keadaan ini menimbulkan berbagai implikasi negatif. Di antaranya ialah masalah kekurangan pelajar di setengah sekolah yang sedia ada di kawasan yang tidak membangun.

Kebanyakan sekolah di kawasan seumpama ini mempunyai bilangan atau jumlah pelajar yang amat kecil dan akibatnya sekolah terpaksa ditutup. Sebaliknya di kawasan pertumbuhan penduduk pula, para ibu bapa menghadapi masalah menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Masalah ini wujud kerana kebanyakan sekolah terletak jauh dari tempat tinggal dan di samping itu kawasan perumahan baru tidak mempunyai sistem pengangkutan awam yang baik. Oleh yang demikian saya menyarankan lesen diberikan kepada sekolah-sekolah yang telah ditutup bagi membina bangunan sekolah baru di mana terdapat penempatan penduduk terutamanya di kawasan pembangunan yang baru atau bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh berkenaan Bil ini, iaitu berhubung

dengan perlantikan ke jawatan dalam SSB, syarat umur tidak diambilkira. Oleh itu, Kementerian boleh recruit orang yang berumur melebihi 30 tahun dengan kelayakan yang perlu. Walaupun begitu, dalam Kementerian Pendidikan ada ramai orang yang bekerja sebagai guru sandaran. Apabila mereka mencapai umur 30 tahun, guru-guru sandaran ini diberhentikan oleh Jabatan Pendidikan. Selepas itu Jabatan Pendidikan mengambil pula orang yang telah bersara untuk mengisi kekosongan jawatan ini. Saya fikir syarat ini tidak adil dan Kementerian Pendidikan terpaksa membiayai lebih gaji kepada guru yang telah bersara yang dilantik semula daripada guru sandaran yang berpengalaman lebih 8-10 tahun. Gaji bagi guru sementara hanya dalam lingkungan RM450-RM630. Tetapi bagi guru yang telah bersara dan dilantik semula, Kerajaan terpaksa membelanja lebih kerana mereka mendapat pencen separuh gaji dan gaji tambahan kerana sanggup mengajar semula. Dengan itu, saya meminta Kementerian Pendidikan untuk mengalihkan pandangannya terhadap masalah guru-guru sandaran yang melebihi umur 30 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Maksud B.45. Lebih kurang 100 tahun dahulu lagi tenaga dibawa masuk ke negara kita untuk bekerja di sektor perladangan dan perlombongan. Kini tenaga buruh amat diperlukan dalam pelbagai bidang terutamanya disektor swasta. Kebanyakan syarikat-syarikat swasta memberi peluang pekerjaan kepada buruh asing untuk menampung keperluan tenaga buruh dalam

menjalankan kegiatan mereka manakala tenaga buruh kita pula diabaikan. Sektor swasta berpendapat bahawa mereka terpaksa memberi lebih banyak kemudahan dan memberi gaji yang lebih tinggi sekiranya mereka mengambil pekerja tempatan. Sektor swasta lebih cenderung menawarkan pekerjaan kepada buruh asing kerana mereka tidak perlu menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif yang melibatkan perbelanjaan yang besar sebagaimana yang perlu diberikan kepada buruh tempatan.

Menurut budget kita, kadar pengangguran dalam negara telah menurun dan dimainkan.

Namun begitu, di kawasan bandar mahu pun di luar bandar masih terdapat masalah untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Oleh yang demikian Kerajaan perlu mengambil pelbagai langkah dalam usaha membantu buruh tempatan di antaranya dengan memberi pelbagai insentif dan menyediakan kemudahan asas kepada buruh tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong suatu Rang Undang-undang yang bernama Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1994.

Timbalan Yang di-Per(u): Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

6.2/ *ptg.*

Puan Kian Sit Har: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Belanjawan 1994 peruntukan bagi jabatan-jabatan Kerajaan telah ditaraboh. Tujuannya

adalah untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat jelata dan meninggikan lagi taraf kedudukan negara kita. Oleh yang demikian, saya berharap jabatan-jabatan Kerajaan dapat menggunakan peruntukan kewangan yang agak lega ini dengan sepenuhnya untuk menambah tenaga kerja demi mempertingkatkan lagi keberkesanan tugas.

Di sini suka saya kemukakan sedikit pandangan terhadap perancangan pembangunan bandar. Malaysia adalah sebuah negara yang ekonominya membangun dengan pesat. Pembangunan yang menyebabkan Bandaraya lebih berseri akan menarik lebih ramai lagi rakyat berhijrah ke kawasan bandar. Ini adalah satu keadaan yang tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian, perancangan pembangunan bandar telah menjadi satu isu yang penting. Menurut perangkaan-perangkaan yang dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 34% dari bilangan rakyat negara kita akan bermastautin di bandaraya menjelang tahun 2020. Pada masa tersebut bandaraya-bandaraya akan padat dengan penduduk-penduduk sama ada kemudahan infrastruktur, perubatan dan sistem pengangkutan dapat menampung penambahan bilangan penduduk atau tidak, akan merupakan satu cabaran besar bagi pihak perancangan bandar.

Sebenarnya oleh kerana bilangan penduduk di bandar semakin bertambah, kawasan bandar akan terus diperluaskan. Oleh yang demikian, cabaran yang dihadapi oleh pihak

berkenaan bukan sahaja menyelesaikan masalah kehidupan seharian penduduk-penduduk kawasan bandar yang sedia ada, tetapi juga mengambil perhatian terhadap kawasan bandar baru dan menjaga keperluan penduduk-penduduknya. Kita dapat mengesan bahawa kerja perancangan bandar masih mempunyai kelemahan-kelemahan, misalnya di Bandaraya Kuala Lumpur banjir selalu berlaku apabila hujan turun tanpa berhenti selama beberapa jam mengakibatkan penduduk-penduduknya menghadapi masalah-masalah seperti kesesakan jalan raya dan pencemaran udara, yang sekarang ini merupakan masalah berpunca dari perancangan yang kurang sempurna. Dengan mutu perancangan bandar sedemikian, bolehkah kita mempunyai keyakinan untuk menghadapi keadaan penambahan bilangan penduduk di bandar-bandar yang begitu pesat? Tetapi jika ada mutu perancangan bandar yang teratur dan baik, saya yakin ianya dapat menjamin kesejahteraan penduduk.

Kuala Lumpur hanya mempunyai bilangan penduduk seramai 1 juta lebih, kurang daripada 10% bilangan penduduk Tokyo yang mempunyai 20 juta penduduk. Tetapi jika di bandingkan negara pengendalian bandar dan sistem pengangkutan Tokyo, kemunduran kita lebih 10 tahun. Oleh yang demikian saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Dr. Ting Chew Peh, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mewujudkan satu unit khas bagi melaksanakan tanggungjawab perancangan dan

pembangunan bandar demi untuk mengelak terjadinya bandar-bandar seperti Bandaraya Bangkok dan Manila.

Mewujudkan unit khas adalah perlu kerana Dewan Bandaraya kini tidak berdaya memberikan kehidupan yang berkualiti kepada penduduk-penduduk bandaraya khususnya bilangan kenderaan yang kian bertambah telah menyebabkan pencemaran udara semakin serius. Walaupun Lembaga Pembangunan Bandar disebut pembangunan bandar tetapi sebaliknya tugas utama merupakan pembangunan bangunan dan tidak dapat menyelaras dengan Dewan Bandaraya dalam bidang perancangan bandar.

Oleh yang demikian, dengan menyerap semua organisasi yang berkaitan ke dalam satu unit khas yang ditugas khas untuk membangunkan bandar, maka dapatlah kita merangkakan satu set perancang pembangunan yang menyeluruh dan berkesan. Langkah ini adalah perlu dan tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja sedikit pandangan dan cadangan saya terhadap perancangan pembangunan bandar.

Seterusnya dari Belanjawan 1994 yang dibentangkan baru-baru ini, saya berpendapat taraf ekonomi kita berkembang maju. Tidak boleh dinafikan penglibatan wanita juga memainkan peranan yang penting di dalam aspek pembangunan ekonomi negara.

Seperti yang kita sedia maklum, ramai wanita Malaysia mempunyai pendidikan tinggi dan serba

berkebolehan dan berkemampuan dalam bidang politik, perniagaan atau pembangunan. Sungguh pun demikian, kaum wanita tidak menerima keadilan undang-undang yang sewajarnya. Contohnya peraturan pewarisan pesaka memperlihatkan undang-undang yang dikuatkuasa ke atas wanita tidak mendapat keadilan setimpal dengan peredaran masa. Diharap dikaji semula Rang Undang-undang berkenaan.

Satu perkara lagi ialah berkenaan masalah rumah tangga, kebajikan kekeluargaan, perceraian, anak angkat dan lain-lain masalah berkaitan keluarga. Saya meminta satu Akta khusus untuk isu-isu tersebut dapat digubal di bawah satu Rang Undang-undang atau Akta Keluarga (Family Act). Saya berharap dengan adanya

Rang Undang-undang atau Akta Keluarga ini yang merangkumi semua aspek kekeluargaan kelak, kaum wanita akan mendapat pembelaan yang saksama sejajar dengan pengorbanan, penglibatan serta tanggungjawab wahita terhadap keluarga, masyarakat dan tanahair. Sekian sahaja cadangan dari saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul-betul tepat pada waktu kita habis bersidang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.